

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



KEBERKESANAN PENGURUSAN E-KASIH
DALAM RANGKA PEMBASMIAN KEMISKINAN
DI DAERAH KOTA TINGGI JOHOR

KAMAL ABDUL HAMID



UUM
Universiti Utara Malaysia

SARJANA
PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
OTHMAN YEOP ABDULLAH
GRADUATESCHOOL OF BUSINESS
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2016



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**

SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA KERTAS PENYELIDIKAN
(Certification of Research Paper)

Saya, mengaku bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certified that)
KAMAL BIN ABDUL HAMID (810196)

Calon untuk Ijazah Sarjana
(Candidate for the degree of)
MASTER OF HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

telah mengemukakan kertas penyelidikan yang bertajuk
(has presented his/her research paper of the following title)

**KEBERKESANAN PENGURUSAN EKASIH DALAM RANGKA PEMBASMIAN KEMISKINAN DI
DAERAH KOTA TINGGI JOHOR**

Seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas penyelidikan
(as it appears on the title page and front cover of the research paper)

Bahawa kertas penyelidikan tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu
dengan memuaskan.

(that the research paper acceptable in the form and content and that a satisfactory knowledge of the field is
covered by the research paper).

Nama Penyelia : **PN. NORIZAN HAJI AZIZAN**
(Name of Supervisor)

Tandatangan :
(Signature)

Tarikh : **18 APRIL 2016**
(Date)

KEBENARAN MENGGUNAKAN

Projek Sarjana ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Master of Human Resource Management, Universiti Utara Malaysia. Penyelidik bersetuju membenarkan pihak Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia mempamerkan karya ini untuk rujukan. Penyelidik juga bersetuju membenarkan sebarang bentuk salinan samaada secara keseluruhan atau sebahagian Projek Sarjana ini untuk tujuan akademik dengan kebenaran daripada penyelidik atau Dekan Akademik, Othman Yeop Abdullah School of Business. Sebarang bentuk salinan atau cetakan bagi tujuan komersial dan membuat keuntungan adalah dilarang tanpa kebenaran bertulis. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan dibuat ke atas Projek Sarjana ini.



Universiti Utara Malaysia

Permohonan bagi mendapatkan kebenaran bagi menggunakan Projek Sarjana ini samaada keseluruhan atau sebahagian perlulah dipohon melalui :

Dekan Akademik

Othman Yeop Abdullah School of Business

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok

Kedah

PENGAKUAN

Dengan ini saya akui bahawa sesungguhnya kertas projek yang bertajuk “Pengurusan E-Kasih Dalam Rangka Pembasmian Kemiskinan Daerah Kota Tinggi Johor” adalah hasil nukilan saya sendiri kecuali ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Kertas projek ini tidak pernah dikemukakan atau diterima sebagai projek lain.

Saya akui bahawa setiap bantuan yang diterima untuk menyiapkan projek kajian ini adalah dari sumber yang dibenarkan.

Kamal Abdul Hamid
810196
Othman Yeop Abdullah School of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah



UUM
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Pengurusan eKasih adalah merupakan suatu kaedah bagi menangani masalah kemiskinan di Negara ini. Fokus kajian ini adalah untuk menilai strategi pengurusan eKasih di daerah Kota Tinggi serta mencadangkan mekanisma yang perlu untuk melaksanakan program-program dan bantuan-bantuan pembasmian kemiskinan. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini di mana temubual bersama ahlijawatankuasa pengurusan eKasih serta peserta miskin tegar Kasih dijalankan untuk mengutip data. Penyelidik telah mengenalpasti seramai 112 orang responden terdiri daripada 54 pengawai pengurusan dan 59 peserta eKasih miskin tegar. Manakala 97 sampel daripada responden terdiri daripada 49 pegawai pengurusan dan 48 peserta eKasih telah di temubual. Penganalisaan dimulakan dengan menilai prestasi jabatan mengurus program pembasmian kemiskinan eKasih melalui petunjuk bidang keberhasilan utama (*KRA*) untuk mengenalpasti isu-isu yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan. Keputusan analisis Indeks Prestasi Utama (*KPI*) menunjukkan bahawa pengurusan eKasih daerah Kota Tinggi berada pada landasan yang betul dengan menggunakan langkah-langkah penyaluran projek/bantuan pembangunan (*input*) bagi menangani masalah kemiskinan. Kesan daripada penyelidikan ini juga membuktikan bahawa pengurusan eKasih telah berjaya mengeluarkan golongan sasar melepasi pendapatan garis kemiskinan (PGK) kebangsaan. Hasil kajian ini diharapkan akan dapat menyumbang kearah penambahan pengetahuan berkaitan keberkesanan pengurusan eKasih pembasmian kemiskinan peringkat daerah Kota Tinggi sebagai agensi pelaksana kepada pembuat dasar di peringkat negeri Johor khususnya dan Malaysia amnya.

Universiti Utara Malaysia

Kata kunci :pengurusan eKasih, pembasmian kemiskinan, miskin tegar

ABSTRACT

eKasih management is a method to address the problem of poverty in the country. The focus of this study was to evaluate the management of strategies eKasih in Kota Tinggi. Qualitative method was used in this study where interviews were conducted with members of the management committee as well as the hardcore poor eKasih recipients. Researcher had identified a total of 112 respondents from 54 management personnel and 59 participants eKasih hardcore. A total of 49 management personnel and 48 participants eKasih were successfully interviewed. The analysis began by evaluating the performance of the department managing the program of poverty eradication through guidance eKasih Key Result Areas (KRA). Results of the analysis of Key Performance Index (KPI) showed that the management eKasih Kota Tinggi district was on the right track with the steps(input) to distribute the development project assistance to overcome district poverty eradication. The impact of this research also proves that management has achieved eKasih target group beyond the national poverty line income (PLI).The study result can be expected to contribute the enhancement of knowledge related to effective management of poverty eradication eKasih Kota Tinggi district level as the implementing agency to policy makers at the state level of Johor and Malaysia .

Keywords: eKasih, poverty eradication, poverty



UUM
Universiti Utara Malaysia

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah

Pada kesempatan ini saya merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan kehendak dan izinNya kertas projek ini telah dapat disiapkan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Norizan Hj Azizan selaku penyelia kertas projek ini atas bimbingan dan dorongan yang diberi sepanjang tempoh penyelidikan dijalankan.

Tidak ketinggalan kepada semua staf Pejabat Daerah Kota Tinggi Johor terdiri daripada Pegawai Daerah Kota Tinggi, Ketua Penolong Pegawai Daerah, Penolong-Penolong Pegawai Daerah dan individu yang banyak membantu dan member maklumat dalam menyiapkan kertas projek ini.

Kepada isteri tersayang Fatimah Asrabi dan anak-anak yang banyak member sokongan dan pengorbanan di mana bantuan diberikan tidak ternilai harganya.

Akhir kata saya menyerahkan semuanya kepada Allah SWT sebagai balasan kepada pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung atas segala bantuan dan bimbingan sepanjang penyediaan kertas projek ini hingga selesai.

Sekian, Wassalam.

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
KEBENARAN MENGGUNAKAN	i
PENGAKUAN	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABTRACT</i>	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 • PENGENALAN	
1.1 Latarbelakang Kajian	1
1.2 Pengurusan eKasih Daerah Kota Tinggi	3
1.3 Proses Pendaftaran Terbuka eKasih	4
1.4 Pernyataan Masalah	7
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Objektif Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.8 Batasan Kajian	10
1.9 Skop Kajian	11

BAB 2 ULASAN KARYA

2.1	Takrif Miskin	12
2.2	Ukuran Kemiskinan Peringkat Global	12
2.3	Dimensi dan Faktor Kemiskinan	15
2.4	Strategi Basmi Kemiskinan Malaysia	24
2.5	Program Transformasi Kerajaan	28
2.6	Projek Dan Bantuan Pembangunan	30
2.6.1	Program Bantuan Rumah	30
2.6.2	Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya	31
2.6.3	Program Peningkatan Pendapatan	32
2.6.4	Program Kecemerlangan Pendidikan	33
2.6.5	Program Latihan Modal Insan	33
2.6.6	Program Bantuan Makanan dan Bantuan Makanan Seimbang	34
2.6.7	Program ASB – Sejahtera	35
2.6.8	Program Pembangunan Masyarakat Setempat	36
2.7	Faktor Penyokong dan Penghalang Pengurusan Pembasmian Kemiskinan	37
2.7.1	Faktor Penyokong Pembasmian Kemiskinan	37
2.7.2	Faktor Penghalang Pembasmian Kemiskinan	41
2.8	Istilah Menjustifikasi Dapatan Kajian	43



UUM
Universiti Utara Malaysia

2.8.1	Bidang Keberhasilan Utama	43
2.8.2	Projek/Bantuan Pembangunan	43
2.8.3	Objektif	44
2.8.4	Golongan Sasar	45
2.8.5	<i>Input</i>	45
2.8.6	<i>Output</i>	45
2.8.7	<i>Outcome</i>	46
2.8.8	Impak	47
2.8.9	Petunjuk Prestasi Utama (<i>KPI</i>)	47



BAB 3

KAEDAH KAJIAN

3.1	Rekabentuk Kajian	48
3.2	Kerangka Kerja Kajian	48
3.3	Populasi Kajian	50
3.4	Pengumpulan Data	50
3.4.1	Data Primer	50
3.4.2	Data Sekunder	52
3.5	Kaedah Ambilan Data	53
3.5.1	Temubual bersama Ahli	
	Jawatankuasa serta Peserta	53
3.5.2	Pemerhatian dalam Mesyuarat	
	<i>Focus Group</i>	53
3.5.3	Meneliti Dokumen Pengurusan	
	eKasih	54
3.6	Prinsip Pengumpulan Data	55

3.6.1	Boleh Dipercayai (<i>Reliable</i>)	55
3.6.2	Sahih (<i>Valid</i>)	55
3.6.3	Berwibawa (<i>Credible</i>)	55
3.7	Prinsip Penilaian Data	56
3.7.1	Spesifik (<i>Specific</i>)	56
3.7.2	Boleh Diukur (<i>Measurable</i>)	56
3.7.3	Boleh Dicapai (<i>Achievable</i>)	57
3.7.4	Relevan (<i>Relevant</i>)	57
3.7.5	Batasan Waktu (<i>Time-Bound</i>)	57
3.8	Analisis Data	57



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Dapatan Kajian	60
4.2	Analisis Demografi Pengurusan eKasih	61
4.3	Analisis Demografi KIR eKasih	62
4.4	Analisis Bidang Keberhasilan Utama	64
4.5	Analisis <i>Input</i> Projek Dan Bantuan Pembangunan	69
4.6	Analisis <i>Ouput</i> Prestasi Pembasmian Kemiskinan	70
4.7	Analisis <i>Outcome</i> Terhadap Tahap Pengetahuan Peserta eKasih	72
4.8	Analisis <i>Outcome</i> MaklumBalas Peserta eKasih Terhadap Kesesuaian Program Berbanding Keperluan	75

4.9	Analisis <i>Outcome</i> Terhadap Perubahan Sosia Ekonomi Setelah Menyertai Program Pembasmian Kemiskinan	78
4.10	Analisis <i>Outcome</i> Terhadap Faktor Penyokong Pengurusan Basmi Kemiskinan	81
4.11	Analisis <i>Outcome</i> Terhadap Faktor Penghalang Pengurusan Basmi Kemiskinan	85
4.12	Analisis <i>KPI</i> Pengurusan Basmi Kemiskinan	89



BAB 5

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Perbincangan	94
5.2	Cadangan	95
5.2.1	Perubahan Tadbir Urus Urusetia	96
5.2.2	Penyelarasan Antara Agensi	97
5.2.3	Pengembangan Taraf Hidup	97
5.2.4	Penilaian Impak Kos Bantuan	98
5.2.5	Mendekati Peserta Secara Terus	99
5.2.6	Memantau Bantuan	100
5.2.7	Mengkaji Tambahan Bantuan	100
5.3	Kesimpulan	101

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

HALAMAN

Jadual 2.5 : Program Transformasi Kerajaan 2010-2012	29
Jadual2.6 : Tempoh Latihan / Kursus bersama Kadar Bantuan	31
Jadual2.7 : Program Bantuan Makanan Mengikut Wilayah	35
Jadual2.8 : Projek/Bantuan Pembangunan	44
Jadual4.2 : Analisis Demografi Pengurusan eKasih	62
Jadual4.3 : Analisis Demografi KIR eKasih	64
Jadual4.5 : Analisis Projek dan Bantuan Pembangunan bagi Tempoh Julai-Disember 2014	69
Jadual4.6 : Kedudukan Status Kemiskinan Daerah Kota Tinggi Bagi Tempoh 1 Jan 2014 Hingga 31 Dis 2014	71
Jadual4.7 : Peratus Pecahan Tahap Pengetahuan Peserta eKasih Mengenai Sumber Maklumat	73
Jadual4.8 : Peratus Pecahan Tahap Pengetahuan Peserta eKasih Mengenai Tujuan Program	73
Jadual4.9 : Peratus Pecahan Tahap Pengetahuan Peserta eKasih Mengenai Bantuan Diterima	75
Jadual5.0 : Peratus Pecahan Tahap Pengetahuan Peserta eKasih Mengenai Kesesuaian Bantuan	76
Jadual5.1 : Peratus Pecahan Peserta eKasih Mengenai Sebab-Sebab Bantuan Tidak Sesuai	77
Jadual5.2 : Peratus Pecahan Pandangan Peserta eKasih Mengenai Kejayaan Keluar Daripada Garis Kemiskinan	78

Jadual5.3 : Analisis <i>Outcome</i> Berbanding Impak Naik Taraf	
Peserta eKasih	79
Jadual5.4 : Pendapatan Garis Kemiskinan Bagi Tahun 2014	79
Jadual5.5 : Laporan Naik Taraf Peserta eKasih Sept-Okt	
2014	80



SENARAI RAJAH

HALAMAN

Rajah 1.2 :	Pengurusan eKasih Daerah Kota Tinggi	4
Rajah2.3 :	Kitaran Kemiskinan Barke & O'Hare	16
Rajah 3.2 :	Kerangka Kerja Kajian	49
Rajah 4.5 :	Peratus Pecahan Projek/Bantuan Miskin Tegar	
	Bagi TempohJ ulai-Disember 2014	70



UUM
Universiti Utara Malaysia

SENARAI SINGKATAN

ADUN	:	Ahli Dewan Undangan Negeri
AIM	:	Amanah Ikhtiar Malaysia
AIR	:	Ahli Isi Rumah
ASB	:	Amanah Saham Berhad
AJK	:	Ahli Jawatankuasa
APC	:	Anugerah Prestasi Cemerlang
BIRM	:	Banci Isi Rumah Miskin
BSR	:	Bahagian Kesejahteraan Rakyat
CSR	:	Khidmat Sosial Korporat
DEB	:	Dasar Ekonomi Baru
DOS	:	Jabatan Perangkaan (<i>Department of Statistic</i>)
DPN	:	Dasar Pembangunan Negara
DWN	:	Dasar Wawasan Negara
FELCRA	:	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
HIS	:	Laporan Penyiasatan Isi Rumah (<i>Household Investigation Survey</i>)
ICU	:	Unit Penyelarasan Pelaksanaan (<i>Implimentation Coordination Unit</i>)
IKBN	:	Institut Kemahiran Belia Negara
IT	:	Ibu Tunggal
JAKOA	:	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JKM	:	Jabatan Kebajikan Masyarakat



UUM

Universiti Utara Malaysia

JPM	:	Jabatan Perdana Menteri
KPI	:	Penunjuk Prestasi Utama
KARISMA	:	Kedai Rakyat 1Malaysia
KEJORA	:	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
KEMAS	:	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KIR	:	Ketua Isi Rumah
KWAPM	:	Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Malaysia
LKIM	:	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
MAIJ	:	Majlis Agama Islam Johor
MDKT	:	Majlis Daerah Kota Tinggi
MLVK	:	Malaysia Latihan Vokasional & Kemahiran
NGO	:	Pertubuhan Bukan Kerajaan
PBR	:	Program Bina Rumah
PDKT	:	Pejabat Daerah Kota Tinggi
PGK	:	Pendapatan Garis Kemiskinan
PKP	:	Program Pembangunan Pendidikan
PLKK	:	Program Latihan dan Kemahiran Kerjaya
PMR	:	Peperiksaan Menengah Rendah
PMTS	:	Program Makanan Tambahan Seimbang
PPD	:	Pejabat Pendidikan Daerah
PPK	:	Pertubuhan Peladang Kawasan
PPNJ	:	Pejabat Pembangunan Negeri Johor
PPMI	:	Program Pembangunan Modal Insan



UUM
Universiti Utara Malaysia

PPMS	:	Program Pembangunan Masyarakat Setempat
PPP	:	Program Peningkatan Pendapatan
PPRT	:	Program Pembangunan Rakyat Termiskin
SKM	:	Sijil Kemahiran Malaysia
UPENJ	:	Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor
YPEIM	:	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia



UUM
Universiti Utara Malaysia

BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Masalah kemiskinan adalah merupakan masalah global yang membawa kepada penemuan faktor-faktor yang lebih cenderung kepada kesan kemiskinan seperti tiada pekerjaan tetap atau pun menganggur, ketidak seimbangan pendapatan dan faktor kemalasan (UNDP, 2006).

Mengikut Teshome (2008), pengangguran merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kemiskinan di Nigeria. Korelasi hubungan yang kuat antara pengangguran dan kemiskinan menyumbang kepada sumber pendapatan yang tidak mencukupi dari masa ke semasa selain kos sara hidup yang semakin tinggi dan taraf hidup kian merosot.

Menurut Oluwatayo (2008), pihak pemerintah telah tidak menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk di negara ini. Ini mengakibatkan ketidak kesimbangan pendapatan yang tinggi di antara penduduk kawasan bandar dan luar bandar. Aktiviti pertanian merupakan sumber pendapatan bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar yang majoritinya merupakan satu sektor yang tidak berkembang maju dan menggunakan kaedah pertanian kuno. Mereka tidak menerima kemahiran pendidikan pertanian moden, sekali gus tidak mampu menjana pendapatan yang lebih tinggi dan ini akan menjadikan mereka lebih terdedah kepada taraf hidup miskin yang membawa kepada beberapa masalah sosial dan ekonomi seperti keganasan, rasuah dan sebagainya.

Bagi Chombi Ucha (2010) pula, menyebut bahawa faktor kemalasan adalah penyakit biasa yang hampir dialami oleh kebanyakan penduduk Nigeria hari ini. Semua orang mahu menjadi selesa tetapi mereka tidak bersedia untuk bekerja ke arah itu. Ini sering membawa kepada sikap mudah berpuas hati di mana mereka akan melakukan apa sahaja yang mereka mahu tanpa usaha-usaha tambahan sendiri. Kebanyakan daripada keluarga masih bergantung kepada bapa sebagai ketua keluarga yang bekerja secara berterusan. Apabila bapa berkenaan meninggal dunia keluarga ini akan menjadi miskin kerana tiada jaminan sumber pendapatan.

Dalam usaha pembasmian kemiskinan di Malaysia pula, kerajaan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Oktober 2007 dan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri pada 1 November 2007 telah membuat keputusan untuk membangunkan suatu system pengurusan pembasmian kemiskinan. Sehubungan daripada itu, ia mula dibangunkan oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) dan mula digunakan pada Jun 2008 (Unit Penyelaras Pelaksanaan, 2014).

Sistem pengurusan e-Kasih atau hanya dikenali sebagai eKasih adalah suatu sistem pangkalan data keluarga miskin yang diwujudkan di peringkat nasional bagi membantu merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan. Sistem ini dibangunkan bagi memudahkan agensi pemberi bantuan dan agensi pelaksana yang dipergerusikan oleh Pejabat Daerah seluruh negeri sebagai usaha menjejaki mereka yang benar-benar layak untuk menerima bantuan mengikut kesesuaian sama ada mereka adalah Ketua Isi Rumah (KIR) atau Ahli Isi Rumah (AIR).Pangkalan data kemiskinan negara yang diwujudkan

ini adalah untuk menambahbaik kualiti data dan maklumat berhubung isi rumah miskin dan miskin tegar merangkumi daftar miskin luar bandar dan bandar.

1.2 PENGURUSAN eKASIH DAERAH KOTA TINGGI

Pengurusan eKasih daerah Kota Tinggi tertumpu kepada unit jawatankuasa eKasih peringkat Daerah Kota Tinggi yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Kota Tinggi. Tiga orang Penolong Pegawai Daerah bertindak sebagai pegawai penyelaras segala dasar dan program eKasih sekali gus memegang jawatan timbalan pengerusi semasa ketiadaan Pegawai Daerah.



Rajah 1.2 : Pengurusan eKasih Daerah Kota Tinggi
(Sumber : Pejabat Daerah Kota Tinggi, 2014)

Pejabat Daerah Kota Tinggi selaku agensi pelaksana dengan urusetianya terdiri daripada kakitangan bahagian pembangunan masyarakat Pejabat Daerah

yang memantau data peribadi peserta dan penyaluran pelbagai projek dan bantuan dengan kerjasama daripada agensi-agensi pemberi bantuan lain yang bertanggungjawab menyalur bantuan untuk manfaat golongan sasar dalam usaha memperbaiki keadaan ekonomi, sosial dan budaya golongan ini. Sebuah jawatankuasa mesyuarat yang dinamakan ‘Mesyuarat Jawatankuasa *Focus Group* Daerah Kota Tinggi’ akan membincangkan agenda pembasmian kemiskinan dan diputuskan oleh semua pegawai yang telah disebutkan di atas.

1.3 PROSES PENDAFTARAN TERBUKA eKASIH

Bagi mendapatkan senarai peserta eKasih yang berkecukupan, secara umumnya ia melibatkan proses verifikasi pendaftaran terbuka eKasih Daerah Kota Tinggi melalui aktiviti pendaftaran pemohon, penyisihan awal, aktiviti bancian dan pemprosesan dengan aliran pendaftaran yang diringkaskan dalam *LAMPIRAN 2*. Sebagaimana yang telah gariskan oleh ICUJPM, (2012) proses ini perlu menepati SOP dalam lima peringkat aktiviti seperti berikut :

(a) Peringkat pertama

Pendaftaran pemohon merupakan permohonan pendaftaran terbuka eKasih menggunakan borang pendaftaran eKasih yang diletakkan di Pejabat Daerah sebagai urusetia dan lain-lain jabatan pemberi bantuan. Borang yang telah lengkap diisi perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa *Focus Group* Daerah bagi tujuan penyelarasan. Semakan awal dalam system eKasih perlu dilakukan sama ada pemohon telah didaftarkan dalam eKasih sebagai KIR atau AIR. Borang pendaftaran eKasih yang telah

lengkap diisi perlu kemudiannya dimasukkan ke modul Pendaftaran Ringkas oleh pegawai bertanggungjawab di peringkat daerah.

(b) Peringkat kedua

Penyisihan awal selepas senarai pemohon diselaraskan, Jawatankuasa *Focus Group* Daerah perlu melaksanakan proses penyisihan awal terhadap permohonan berkenaan berpandukan “Garis Panduan dan Mekanisme Proses Penyisihan Awal Permohonan Pendaftaran Terbuka”. Senarai nama yang telah disisihkan perlu dikemaskini dalam eKasih di bawah status ‘ditolak’ sebagai rujukan sekiranya terdapat permohonan baru dari pemohon yang sama. Senarai yang layak dibanci selepas proses sisihan diselaraskan bagi tujuan bancian.

(c) Peringkat ketiga

Aktiviti bancian iaitu selepas senarai yang layak dibanci diselaraskan, Jawatankuasa *Focus Group* Daerah perlu melaksanakan proses bancian dengan penglibatan pegawai dan kakitangan yang telah dikenal pasti serta terlatih yang bersesuaian dengan kehendak Pejabat Pembangunan Negeri Johor (PPNJ). Dalam proses bancian yang dilaksanakan ini, ia juga boleh melibatkan pegawai daripada agensi lain yang telah disahkan menganggotai Jawatankuasa Mesyuarat Penyelarasan *Focus Group* Daerah. Penentuan kepada pihak yang perlu melaksanakan bancian telah ditetapkan dengan kawasan luar bandar diketuai oleh Pejabat Daerah. Bagi permohonan kawasan bandar diketuai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (MDKT). Bagi permohonan daripada penerima bantuan sedia ada, proses bancian akan disertai agensi pemberi bantuan seperti JKM,

MAIJ, RISDA, KEMAS dan agensi-agensi yang diperakukan oleh Jawatankuasa *Focus Group* Daerah. Pelaksanaan proses bancian adalah dengan menggunakan borang Banci Isi Rumah Miskin (BIRM).

(d) Peringkat keempat

Kutipan hasil daripada bancian tersebut dikemukakan kepada PPN bagi aktiviti memproses borang BIRM yang telah disaring di peringkat Daerah. Sekiranya maklumat yang diperolehi PPN ini lengkap ia akan melalui sesi semakan yang tekal dan proses kutipan data (*data entry*) akan dilaksanakan. Namun sekiranya borang BIRM berkenaan tidak lengkap dan meragukan, ia akan dikembalikan kepada Jawatankuasa *Focus Group* Daerah untuk dilengkapi dan dikemaskinikan.

(e) Peringkat kelima

Proses aktiviti semakan di mana selepas aktiviti prosesan dilaksanakan, status kategori kemiskinan pemohon boleh dijana dan dilaporkan dalam Jawatankuasa *Focus Group* Negeri dan Daerah untuk proses penyaluran bantuan selaras dengan kelayakan kategori kemiskinan yang ditetapkan. Peringkat terakhir adalah mekanisma pemantauan dan pelaporan sebagai usaha untuk memastikan proses pemantauan yang tepat dapat disediakan oleh Jawatankuasa *Focus Group* Daerah kepada PPN dan seterusnya kepada Bahagian Kesejahteraan Rakyat (BSR) ICU JPM yang perlu dilakukan setiap 2 minggu sekali. Agenda pelaporan aktiviti pendaftaran terbuka eKasih ini perlu dijadikan sebagai agenda wajib mesyuarat *Focus*

Group Negeri dan Daerah serta jawatankuasa teknikal kemiskinan negeri yang berkaitan.

1.4 PERNYATAAN MASALAH

Faktor-faktor kemiskinan seperti tiada pekerjaan tetap, ketidak seimbangan pendapatan, dan kemalasan turut dialami keadaan yang sama di negara ini khususnya daerah Kota Tinggi di mana melalui Jawatankuasa Mesyuarat *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri Johor telah mengatur beberapa pendekatan yang perlu diambil perhatian oleh Pejabat Daerah Kota Tinggi sebagai urusetia dalam usaha meningkatkan pemantauan terhadap matlamat basmi kemiskinan daerah.

Mengikut laporan PPP Jabatan Pertanian dalam Minit Mesyuarat *Focus Group* Daerah Kota Tinggi bilangan 8/2014, daripada 53 peserta penerima manfaat, terdapat 30 projek mengalami kegagalan disebabkan 2 orang peserta meninggal dunia, 15 orang peserta mengalami kemerosotan pendapatan dan 13 orang peserta projek yang terbengkalai serta gagal menyiapkan projek. Bagi Program Peningkatan Pendapatan (PPP) yang kurang aktif, tindakan yang perlu dibuat ialah dengan meningkatkan usaha ke arah penambahan pendapatan peserta. Manakala bagi projek PPP yang terbengkalai pula akan dipindahkan kepada peserta yang lebih berkemampuan seperti yang diminitkan dalam Mesyuarat *Focus Group*. (LAMPIRAN 4a)

Pejabat Pembangunan Negeri Johor sebagai pembuat dasar telah mengesa semua Pejabat Daerah agar menyegerakan aktiviti pengemaskinian rekod sistem eKasih sebagaimana yang telah dinyatakan dalam minit mesyuarat PPNJ bilangan 2/2012 bertarikh 18 Mei 2012 (LAMPIRAN 5). Pejabat Daerah juga

digesa bertanggungjawab untuk berusaha meningkatkan pelaksanaan inisiatif-inisiatif pembasmian kemiskinan (*LAMPIRAN 7*) bagi mencapai sasaran sifar peratus miskin tegar pada 31 Disember 2014 (*LAMPIRAN 6*). Selain daripada itu pemantauan berterusan terhadap inisiatif tambahan harus dibuat terhadap isi rumah yang masih belum menerima sebarang bentuk bantuan sebagaimana tercatat dalam minit mesyuarat PPNJ bilangan 1/2013 bertarikh 8 Mac 2013. (*LAMPIRAN 4b*)

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada pernyataan masalah di atas, beberapa persoalan kajian telah dikenalpasti dalam usaha pembasmian kemiskinan daerah Kota Tinggi sebagaimana berikut :

- 
- a) Apakah maklum balas peserta eKasih mengenai kesesuaian program-program pembasmian kemiskinan di daerah Kota Tinggi berbanding dengan keperluan isirumah berkenaan?
 - b) Apakah perubahan-perubahan sosio ekonomi peserta eKasih daerah Kota Tinggi setelah menyertai program pembasmian kemiskinan?
 - c) Apakah faktor-faktor kejayaan dan kegagalan program-program pembasmian kemiskinan di daerah Kota Tinggi?

1.6 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

- a) untuk mendapat maklumbalas peserta eKasih mengenai kesesuaian program-program pembasmian kemiskinan di daerah Kota Tinggi berbanding dengan keperluan isirumah berkenaan.

- b) untuk mengetahui perubahan-perubahan sosio ekonomi peserta eKasih daerah Kota Tinggi setelah menyertai program pembasmian kemiskinan.
- c) untuk mengenalpasti faktor-faktor kejayaan dan kegagalan program-program pembasmian kemiskinan di daerah Kota Tinggi.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini signifikan untuk beberapa faktor:

1.7.1 Menambah pengetahuan mengenai program-program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

1.7.2 Menambah hasil kajian ilmiah mengenai pembasmian kemiskinan.

1.7.3 Menyalur maklumbalas kepada agensi yang bertanggungjawab berhubung dengan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan mengenai :

1.7.3.1 tahap pengetahuan peserta eKasih terhadap program pembasmian kemiskinan.

1.7.3.2 Pandangan peserta eKasih terhadap faktor-faktor kejayaan program pembasmian kemiskinan.

1.7.3.3 perubahan sosio ekonomi peserta eKasih setelah menerima program bantuan kemiskinan.

1.7.3.4 pandangan peserta eKasih mengenai isu kemiskinan dan masalah-masalah yang berkaitannya.

1.8 BATASAN KAJIAN

Keadaan kesihatan penyelidik merupakan batasan yang perlu di atasi dalam usaha menjalankan aktiviti khususnya temu bual terhadap peserta eKasih yang berada di seluruh kawasan dalam daerah Kota Tinggi. Penyelidik memerlukan seorang pembantu supaya segala proses temu bual khususnya dengan peserta eKasih berjalan dengan lancar. Sesi temu bual kepada peserta juga memerlukan pengkaji memberikan penerangan mendalam dengan bahasa yang lebih mudah kerana rata-rata peserta eKasih mempunyai taraf pendidikan yang rendah. Peruntukan masa perlu diselaraskan dengan kesediaan responden yang terdiri daripada pihak pengurusan dan peserta eKasih bagi mendapatkan masa yang sesuai untuk menjalankan sesi temu bual.

1.9 SKOP KAJIAN

Data yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan tempoh masa 12 bulan bermula daripada 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014 dengan menggunakan kaedah penganalisan hasil kutipan data primer atas inisiatif temu bual penyelidik bersama pegawai pengurusan eKasih. Sementara kutipan data sekunder menemukan kajian melalui semakan dokumen-dokumen yang berkaitan pembasmian kemiskinan.

BAB 2

ULASAN KARYA

2.1 TAKRIF MISKIN

Takrif kemiskinan (Bank Dunia, 2010) boleh dibahagi kepada tiga kelompok iaitu baru menjadi miskin (*new poor*), miskin biasa (*borderline poor*) dan miskin tegar (*chronic poor*). Dari segi istilah bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka (2013) menyatakan bahawa miskin bermaksud individu yang tidak mempunyai harta benda serta serba kekurangan dalam memiliki barang-barang keperluan harian.

Mereka yang baru menjadi miskin kebanyakannya adalah disebabkan pembuangan atau pemberhentian kerja dan hilangnya tempat bergantung pendapatan keluarga disebabkan perceraian atau kematian ketua keluarga. Miskin biasa adalah individu yang mempunyai pekerjaan dengan pendapatan tidak di bawah kemiskinan tetapi jika berlaku kenaikan harga barang keperluan harian menyebabkan mereka berada di bawah paras kemiskinan. Miskin tegar pula mereka yang berada dalam keadaan sangat miskin disebabkan kadar pendapatan keluarga yang tidak menentu dan lebih membebankan jika setiap ahli tidak mampu mencari sumber pendapatan (Zulfikar, 2012; Zauyiah, *et. al* 2005).

2.2 UKURAN KEMISKINAN PERINGKAT GLOBAL

Bank Dunia (2010) telah menetapkan bahawa garis kemiskinan itu berlaku apabila seseorang itu hidup di bawah US\$1.25 atau US\$2.00 sehari. Miskin

mutlak pula dikatakan apabila seseorang itu hidup di bawah US\$1.25 sehari dan miskin relatif ditakrifkan hidup di bawah US\$2.00 sehari.

Namun UNDP (2004), menyatakan bahawa golongan yang dikatakan berlaku miskin mutlak apabila seseorang itu memiliki pendapatan di bawah US\$1.00 sehari. Situasi sebegini perlu diperbaiki dengan mewujudkan dasar lapan langkah pembasmian kemiskinan sebagaimana yang digariskan dalam Matlamat Pembangunan Milenium (*Millenium Development Goals*) tahun 2015.

(a) Langkah Pertama

Mengatasi kelaparan dan kemiskinan yang melampau dengan memberi sokongan dalam bentuk wang tunai dan barangan kepada penduduk yang miskin dan menyediakan rangka kerja untuk menyelaraskan usaha-usaha pembangunan kepada golongan sasar terbabit.

(b) Langkah Kedua

Memastikan pendidikan rendah adalah universal dengan meningkatkan pendapatan keluarga supaya ibu bapa akan dapat menghantar anak-anak ke sekolah dan bukannya untuk bekerja pada usia yang masih muda. Pendidikan rendah ini terutamanya kepada kanak-kanak perempuan menyediakan langkah awal untuk mengambil kesempatan daripada peluang-peluang ekonomi apabila telah sampai masanya kelak.

(c) Langkah Ketiga

Mempromosi kesamaan jantina dan memperkasa golongan wanita dengan menghapuskan jurang perbezaan jantina dalam pendidikan rendah,

menengah dan tinggi supaya wanita lebih berpendidikan dan mahir bagi mencari peluang yang lebih baik untuk menjana pendapatan.

(d) Langkah Keempat

Meningkatkan tahap kesihatan kanak-kanak dengan meningkatkan pengeluaran sumber pengeluaran pertanian secara lebih giat dan berterusan untuk memperbaiki zat makanan dan mengurangkan malnutrisi kanak-kanak yang menyebabkan kematian. Kajian mendapati lebih banyak kanak-kanak mati sebelum berusia limatahun di kawasan luar bandar berbanding dengan kanak-kanak bandar. Kira-kira separuh daripada kematian ini adalah disebabkan oleh kekurangan zat makanan.

(e) Langkah Kelima

Memperbaiki perkhidmatan ibu mengandung dengan mengurangkan nisbah kematian ibu ketika bersalin pada tahap tiga suku tahun 2015. Tahap kelahiran di benua Asia Selatan dan Sub-Sahara Afrika amat berisiko di mana kebanyakan wanita bersalin tanpa penjagaan yang rapi.

(f) Langkah Keenam

Mengurangkan penularan HIV / AIDS dan mencegah kejadian malaria serta penyakit-penyakitberjangkit yang lain.

(g) Langkah Ketujuh

Memastikan persekitaran alam sekitar sentiasa terpelihara dengan menyepadukan prinsip pembangunan yang mapan selaras dengan dasar dan

program serta mengembalikan kehilangan sumber-sumber alam sekitar negara. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan bilangan penduduk yang tidak mempunyai akses kepada air bersih terawat yang selamat dan sanitasi asas sebanyak 50 peratus pada tahun 2015.

(h) Langkah Kelapan

Mewujudkan perkongsian pembangunan secara globalisasi dengan membangunkan dasar pemerintahan terbuka di mana perdagangan tanpa diskriminasi dan sistem kewangan akan memenuhi keperluan asas negara-negara miskin.


2.3 DIMENSI DAN FAKTOR KEMISKINAN

Isu kemiskinan yang melanda merupakan isu yang popular dan sering menjadi fokus perbincangan ahli akademik, pembuat dasar, ahli politik dan golongan masyarakat. Namun hingga kini tiada kata putus mengenainya walaupun pelbagai pihak telah membincangkan isu tersebut. Sebagaimana dalam rajah 2.3 di bawah dimensi kemiskinan menggambarkan jika sesebuah isi rumah terperangkap dalam lingkaran garis kemiskinan dengan tidak mampu menyediakan makanan asas yang mencukupi (peringkat A) dan akan menyebabkan mengalami pengambilan diet yang tidak seimbang (peringkat B) seterusnya menghadapi tahap kesihatan yang kurang memuaskan (Peringkat C). Seterusnya fungsi daya pengeluaran sesebuah keluarga seperti yang dinyatakan di atas, seperti penggunaan tenaga kerja yang lemah akhirnya menunjukkan produktiviti yang rendah (peringkat D) dengan penjana pendapatan keluarga pula tidak mencukupi (peringkat E). Kitaran seperti ini sekali lagi akan bermula

di peringkat A selagi mana usaha isi rumah tersebut tidak mencukupi bagi penyediaan bekalan asas keluarga.

Terdapat tiga persoalan asas bila membicarakan soal kemiskinan. Pertama (a) siapa orang miskin tersebut, kedua (b) mengapa mereka miskin dan akhir sekali (c) persoalan apa yang boleh dilakukan untuk *survival* mereka.

Rajah2.3 : Kitaran Kemiskinan Barke & O'Hare



(Sumber : Abbas P.Grammy Dalam *Poverty in the World*)

Faktor kemiskinan ini merujuk kepada sikap golongan miskin yang terlalu bergantung harap kepada individu dalam kelompok berkenaan hingga merumitkan usaha pembasmian kemiskinan secara menyeluruh. Seperti yang telah dinyatakan oleh Kwok (2013) dalam kajiannya dalam kelompok rumah panjang di Sarawak mendapati majoriti daripada KIR di kediaman tersebut adalah terdiri daripada orang lelaki dan mereka memainkan peranan penting dalam penglibatan membasmi kemiskinan berkaitan dengan inisiatif-inisiatif yang telah disediakan oleh kerajaan dengan menyampaikan maklumat kepada seluruh

penduduk serta sama-sama menjayakan aktiviti dan program pembangunan berkenaan. Penglibatan KIR yang mengetuai kesemua pintu rumah panjang bagi memastikan setiap 'pintu' ini membuat keputusan dalam memilih sekurang-kurang satu program yang tersedia seperti PPP, PLKK, PBR, TASKA, PPMS, PPMI, PMTS dan ASB-Sejahtera seterusnya dilaksanakan untuk manfaat setiap ahli keluarga.

Namun begitu hasil daripada kajian mendapati ramai dikalangan komuniti rumah panjang berkenaan hanya terlibat dalam peringkat akhir pelaksanaan program iaitu aktiviti penilaian program. Justeru itu, Kwok (2013) telah mengesakan supaya kerajaan sebagai agensi pelaksana hendaklah merangka semula program dengan pendekatan berdasarkan sumber-sumber yang sedia ada bagi dimanfaatkan oleh setiap komuniti dan seterusnya mengoptimalkan keupayaan mereka pada setiap peringkat aktiviti dalam membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program. Corak penempatan kajian penyelidik di daerah Kota Tinggi pula membabitkan pendekatan penyelidikan yang berbeza di mana corak penempatan adalah berselerak dan mempunyai ramai KIR. Perbezaannya melibatkan pemilihan seorang KIR bagi sebuah rumah panjang seperti dalam kajian Kwok berbanding kajian penyelidik yang memilih seorang KIR untuk setiap rumah.

Manakala inisiatif-inisiatif yang disediakan oleh agensi pelaksana di rumah panjang adalah berdasarkan program yang telah dicadangkan oleh pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan JPM untuk diterima pakai di seluruh negara termasuk daerah Kota Tinggi sebagaimana yang telah dinyatakan di bawah 'Peruntukkan Program dan Bantuan' seperti berikut :

- (i) Program Bantuan Rumah

- (ii) Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya
- (iii) Program Peningkatan Pendapatan
- (iv) Program Kecemerlangan Pendidikan
- (v) Program Latihan Modal Insan
- (vi) Program Bantuan Makanan dan
Bantuan Makanan Seimbang
- (vii) Program ASB – Sejahtera
- (viii) Program Pembangunan Masyarakat Setempat

KIR telah ditentukan oleh pihak urusetia pembasmian kemiskinan untuk menjadi tonggak kepada sesebuah keluarga, membimbing diri dan seluruh ahli keluarga yang produktif kearah membina sebuah keluarga yang lengkap dari segi penyediaan keperluan asas. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak pemberi bantuan seharusnya perlu menyemak inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan dan membuat penilaian ada kemungkinan penambahan inisiatif sekiranya didapati kelompok yang miskin ini masih tidak melepasi garis kemiskinan yang telah ditetapkan (Mohd Fauzi *et.al*, 2006).

Selain daripada faktor yang telah dinyatakan di atas, Muhammad (2007) mengkaji isu kemiskinan dikalangan nelayan tradisional di Semenanjung Malaysia yang merujuk kepada faktor luaran dan faktor semulajadi yang menyingkap masalah dan kekangan dihadapi golongan ini hingga menyebabkan mereka tergolong daripada kelompok miskin tegar.

Faktor kemusnahan hidupan persisir pantai akibat penggunaan pukut tunda oleh nelayan laut dalam yang melanggar syarat mesti berada sekurang-kurangnya lima batu nautika daripada pantai telah menyebabkan kepupusan hidupan

daripada spesis anak-anak ikan menyebabkan golongan ini gagal mendapat hasil tangkapan yang memuaskan untuk tujuan pemasaran.

Terdapat pula tindakan yang bertentangan di antara Jabatan Perikanan dan LKIM berkaitan usaha pembasmian miskin di kalangan nelayan. Pihak LKIM menggalakkan pemberian subsidi penangkapan seperti pemberian bot, enjin, pukat percuma dan subsidi minyak petrol. Namun tindakan daripada pihak Jabatan Perikanan pula telah menghadkan jumlah bot persisir pantai dengan membekukan pengeluaran lesen penangkapan. Akibatnya nelayan-nelayan ini tidak dapat memasarkan hasil tangkapan secara komersial.

Pemberian subsidi penangkapan ikan pula tidak mengikut spesifikasi dari segi ketahanan bahan yang menyebabkan bantuan berkenaan tidak bertahan lama dan bahan berkenaan mudah rosak dalam tempoh yang singkat.

Manakala penyelewangan subsidi oleh nelayan yang tidak berdaftar dengan LKIM dikesan diperingkat semakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang menyisihkan permohonan bantuan kepada nelayan yang benar-benar layak menerima bantuan. Selain daripada itu, pembangunan kawasan perumahan dan industri berkaitan projek 'urbanisasi' kerajaan telah menjadikan muara sungai mendap dan cetek mengurangkan lagi hasil tangkapan nelayan. Peralihan musim angin barat daya kepada monsun timur laut yang berlaku antara bulan November, Disember, Januari, Februari hingga Mac hanya mampu ditempo oleh nelayan persisir pantai ini kurang daripada 12 batu nautika berbanding bot nelayan komersial yang mampu sehingga 30 batu nautika.

Sehubungan dengan itu, usaha pembasmian kemiskinan tidak terhenti dengan bantuan kepada KIR semata-mata. Inisiatif-inisiatif tambahan seperti perkhidmatan menjahit baju, menjaja kuih-muih, perusahaan IKS, dan

sebagainya yang bersesuaian dengan kemahiran yang ada khususnya kepada anggota isi rumah (AIR) yang produktif sedikit sebanyak mampu membantu meringankan beban keluarga berkenaan.

Mary (2008) menjelaskan bahawa isu-isu penyelesaian pembasmian kemiskinan ini adalah mengikut perspektif yang berbeza-beza berbanding dengan penyaluran bantuan. Kelompok kemiskinan di Amerika Syarikat terbahagi kepada 4 kelompok seperti berikut :

- (i) Kemiskinan golongan ibu tunggal dari kategori yang mempunyai tanggungan yang amat memerlukan pelbagai sokongan.
- (ii) Manakala masalah kehilangan pekerjaan KIR yang disebabkan pemberhentian kerja akibat dari kegawatan ekonomi pula menyumbang kepada masalah kemiskinan.
- (iii) Manakala isu pendapatan pekerja yang berada pada paras kemiskinan menimbulkan pelbagai masalah sosial dan kesihatan kerana hubungan ini amat berkait rapat antara masalah sosial dan ekonomi.
- (vi) Golongan muda yang masih baru menceburi alam pekerjaan dengan pendapatan rendah juga masih dikategorikan miskin.

Pendekatan menangani masalah kemiskinan di Amerika Syarikat adalah seperti berikut :

- (i) Pendekatan basmi kemiskinan melalui Program 'Cukai Pendapatan Di Peroleh' di mana pelaksanaan program ini hanya merujuk kepada pendapatan secara tunai yang dikira dan ianya dikira sebelum cukai.
- (ii) Manakala sistem percukaian keselamatan sosial dan lain-lain cukai yang dikenakan pada setiap warga Amerika adalah dikecualikan

kepada kelompok ini. Definisi ini merupakan ukuran garis kemiskinan rasmi persekutuan dan diguna pakai untuk menyalurkan apa-apa program. Program perkiraan cukai diperoleh melalui jalan penyelesaian ke arah pembasmian kemiskinan dengan pengecualian cukai kepada seorang ahli yang menyara keluarga dan hanya akan dinilai garis kemiskinan jika jumlah saraan ahli keluarga terdiri dari lebih tiga orang yang bekerja.

- (iii) Program *'food stamp'* pula melihat kepada faktor kekurangan makanan dan masalah kesihatan yang berkaitan dengan corak pemakanan dan pelaksanaannya memberi kesan yang positif penerima program. Langkah ini memberi tumpuan kepada mengatasi masalah pemakanan tidak berkhasiat hingga menimbulkan masalah kesihatan. Analisis kepada fakta program ini adalah ianya telah menjadi pemangkin kepada menangani isu masyarakat dan dapat digunakan secara meluas. Golongan miskin dapat menikmati program tersebut dan pada masa yang sama dapat mengurangkan penyakit seperti kegemukan dan kencing manis dikalangan warga tua.

- (vi) Pendekatan 'Pemulihan Bekas Banduan' dilaksana setelah melihat bahawa golongan miskin penyumbang kepada kadar jenayah yang tinggi di Amerika Syarikat khususnya dari kalangan berkulit hitam yang terdiri daripada pemuda, wanita dan kanak-kanak yang tercidir dari persekolahan. Antara program pemulihan yang disediakan kepada banduan yang melakukan jenayah ringan seperti kesalahan juvana, penagihan dadah dan seumpamanya, sebelum mereka

dibebaskan melalui sistem '*parol*' iaitu tahanan dipenjara dalam tempoh yang singkat tetapi masih dalam pengawasan pihak berkuasa penjara di mana mereka ini dikehendaki menyumbang aktiviti yang berguna kepada komuniti sebagai penilaian untuk dibebaskan sepenuhnya. Kaedah tahanan '*parol*' pula bukan sahaja dapat mengurangkan kesesakan dalam penjara malah kaedah ini dilihat dapat memperbetulkan persepsi masyarakat bahawa tahanan bukanlah mereka yang benar-benar jahat tetapi kesalahan yang lakukan semata-mata oleh desakan hidup akibat dihimpit kemiskinan sehingga terjebak dengan kesalahan mengedar hingga peringkat penagihan dadah atau menjadi pencuri di kedai-kedai makanan.

Inisiatif kerajaan Amerika Syarikat yang memperkenalkan program perkiraan cukai di peroleh, program '*food stamp*' dan program pemulihan bekas banduan kepada golongan miskin merupakan plan jangka panjang yang mandotari kerana kesan sampingan diperolehi benar-benar memberi kesedaran kepada penerima manfaat. Program '*food stamp*' membenarkan penerima manfaat memilih makanan tanpa pemantauan pemberi manfaat ke atas jenis makanan yang dipilih oleh peserta. Namun ianya menjadikan penerima manfaat tidak mengutamakan pemilihan makanan berkhasiat tinggi. Akibatnya faktor pengabaian kesihatan menjadikan golongan miskin di Amerika Syarikat lebih berisiko menghadapi penyakit pembawa maut seperti jantung dan kencing manis.

2.4 STRATEGI BASMI KEMISKINAN MALAYSIA

Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang telah diperkenalkan pada tahun 1971 oleh kerajaan Malaysia sebagai dasar strategi rancangan jangka panjang

pembasmian kemiskinan kebangsaan, telah menggariskan empat unsur asas seperti berikut :

- a) Menganggap kekurangan aset-aset produktif dikalangan golongan miskin sebagai faktor utama yang menyebabkan daya pengeluaran dan pendapatan yang rendah dikalangan penduduk luar bandar.
- b) Strategi mengurangkan tekanan penambahan penduduk di kawasan luar bandar melalui peluang bagi golongan miskin yang tidak beraset untuk bergiat dalam sektor pertanian dan bukan pertanian lain yang lebih produktif.
- c) Memodenkan kawasan luar bandar melalui peluang perkhidmatan yang lebih baik dan cekap dibidang perusahaan, pengangkutan, bekalan air dan elektrik, pendidikan, kesihatan, zat makanan, dan perancangan keluarga.
- d) Mempercepatkan lagi usaha penyediaan peluang-peluang pekerjaan yang produktif dalam sektor-sektor ekonomi terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Pada akhir rancangan Dasar Ekonomi Baru Malaysia (1971-1991) kadar purata kemiskinan telah menurun kepada 15.1 peratus, di bawah 16.7 peratus seperti yang disasarkan dalam DEB. Pekali Gini pula telah merosot daripada 0.513 pada tahun 1970 kepada 0.446 pada tahun 1990 (Zurina *et al*, 2009).

Tempoh yang berikutnya daripada 1991-2000, Dasar Pembangunan Negara (DPN) telah dibentuk bagi meneruskan usaha mencapai pembangunan seimbang berdasarkan teras DEB. Di bawah DPN, dasar telah digubal untuk membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kemiskinan relatif antara kaum.

Pada masa ini program pembasmian kemiskinan adalah di bawah rangka kerja Dasar Wawasan Negara (DWN) 2001-2020. Selaras dengan Matlamat Pembangunan Milenium Bangsa-Bangsa Bersatu, kerajaan Malaysia telah menetapkan sasaran di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) untuk membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kemiskinan keseluruhan kepada 2.8 peratus menjelang 2010 (Unit Penyelarasan Pelaksanaan JPM, 2007).

Secara umumnya kadar kemiskinan di Malaysia telah mengalami penurunan dengan ketara sejak tahun 1970. Kadar kemiskinan pada tahun 1970, 1980, 1990, 2002, 2004 dan 2007 ialah masing-masing sebanyak 49.30 peratus, 37.40 peratus, 16.50 peratus, 6.00 peratus, 5.70 peratus dan 3.60 peratus (Laily & Sharifah, 2010). Namun pada tahun 2009 kadar kemiskinan menunjukkan peningkatan kepada 3.80 peratus (Siti Hadijah & Roslan, 2011). Sehubungan dengan itu, usaha pembasmian kemiskinan terus dipergiatkan bagi mengurangkan kadar kemiskinan kepada 2.00 peratus pada tahun 2015 (RMK-10, 2011) demi merealisasikan hasrat Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Melalui Laporan Penyiasatan Isi Rumah (HIS) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS), telah menetapkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2007 sebagaimana ditakrifkan dalam RMK-9 (2006-2010), golongan miskin bagi menentukan taraf kemiskinan keluarga isi rumah yang dikategorikan kepada miskin bandar adalah yang berpendapatan isi rumah RM740 dan miskin luar bandar adalah yang berpendapatan isi rumah RM700 bagi Semenanjung Malaysia manakala RM970 miskin bandar dan RM940

miskin luar bandar di Sabah serta di Sarawak RM 860 miskin bandar dan RM810 pula miskin luar bandar.

Justeru itu bagi mencapai matlamat pembasmian kemiskinan kebangsaan, kerajaan pada tahun 2007 telah memutuskan dan bersetuju untuk membangunkan sistem eKasih dengan data bersepadu yang mengumpul dan mengesan pergerakan isi rumah miskin. Data dan maklumat eKasih yang telah dibangunkan adalah berasaskan kepada Banci Isi Rumah Miskin (BIRM) merupakan program banci dengan pendekatan kategori isi rumah dan bukan individu. Ia dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) dan hasil bancian diserahkan kepada ICU JPM sebagai *input* utama kepada eKasih.

Mereka yang berstatus miskin berdasarkan pendapatan per kapita isi rumah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dengan pendapatan kurang daripada RM1,000 di luar bandar dan kurang daripada RM1,500 di kawasan bandar, layak mendaftar dan dimasukkan ke dalam pangkalan data ekasih. Pendaftaran terperinci akan dilakukan oleh pembanci untuk tujuan pengesahan dan seterusnya mendaftarkan mereka dalam sistem eKasih dengan disahkan oleh pihak Jawatankuasa Mesyuarat *Focus Group* yang diketuai oleh Pejabat Daerah di peringkat Daerah dan Pejabat Pembangunan Negeri di peringkat Negeri.

Kerajaan melalui pengwujudan program eKasih ini antara lain bermatlamat bagi memberi pekerjaan kepada peserta yang menganggur atau tiada pendapatan tetap melalui pembentukan program latihan kemahiran dan kerjaya. Ia bertujuan untuk menambah daya pengeluaran dan pendapatan keluarga melalui program peningkatan pendapatan dengan inisiatif-inisiatif projek ekonomi seperti Azam Tani, Azam Kerja, Azam Niaga dan Kios Penjaja. Usaha-usaha selainnya adalah dengan memodenkan kehidupan perumahan luar bandar dalam program bantuan

melalui skim bina baru, baik pulih dan bantuan sewa rumah. Kerajaan juga turut komited memperbaiki taraf dan kualiti hidup peserta melalui pendidikan dalam program bantuan persekolahan dan kesihatan pelajar seperti Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Malaysia (KWAPM), biasiswa dan rancangan makanan tambahan, dan dengan penyediaan program-program bantuan sara hidup lain seperti Karlisma (Kedai Rakyat 1Malaysia), Pembiayaan Perubatan, Sara Hidup dan Bantuan Makanan seperti yang dinyatakan dalam laporan minit mesyuarat *Focus Group* Negeri Johor bilangan 2/2014 (*LAMPIRAN 1a dan LAMPIRAN 1b*).

Walaupun kerajaan telah membelanjakan sejumlah besar peruntukan untuk melaksanakan program pembasmian kemiskinan, namun peserta eKasih didapati kurang komited untuk melibatkan diri dalam program-program yang telah dilaksanakan untuk mereka (Zalzali, 2004). Sedangkan keberhasilan pelaksanaan sesuatu program bukan sahaja tanggungjawab agensi pelaksana, tetapi juga amat bergantung pada kerjasama serta penglibatan peserta eKasih itu sendiri (Hedayat Allah, 2010; Asnarulkhadi & Aref, 2011; Saheb & Nobaya, 2010; Hedayat Allah & Ma'rof 2009).

Faktor kemiskinan pula melibatkan aspek ekonomi dan sosial di mana ketidak seimbangan sosial menjadi sebab kepada kepincangan ekonomi. Kok & Haris (2013) menyatakan bahawa kepincangan ekonomi menjadi sebab kepada kepincangan sosial. Bagi Thai (2009) pula, kemiskinan adalah disebabkan oleh kegagalan pelaksanaan dasar sosial kerajaan yang berpunca daripada ketidakupayaan melaksana pembangunan personal dengan berkesan dalam membantu masyarakat meningkatkan pendapatan.

2.5 PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN

Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah digubal oleh Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2010 hingga 2012 bertujuan untuk mempertingkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah. Mereka adalah termasuk isi rumah yang mempunyai pendapatan kurang atau bersamaan dengan RM2000 sebulan yang merangkumi golongan miskin yang berpendapatan kurang atau bersamaan RM750 sebulan.

Jadual 2.5 : Program Transformasi Kerajaan 2010-2012

INISIATIF 2010	INISIATIF 2011	INISIATIF 2012
1. Azam Kerja – menggalakkan golongan miskin dan miskin tegar bekerja dalam sektor yang kekurangan pekerja sebagai pembantu rumah, pekerja stesen minyak, pengawal keselamatan, pelayan restoran dan buruh binaan. 2. Azam Niaga – Menggalakkan terlibat dengan perniagaan kecil pembuatan dan sebagainya. 3. Azam Khidmat – Menggalakkan penubuhan perniagaan perkhidmatan kecil seperti pusat jagaan kanak-kanak, inap desa, kiosk, dan sebagainya. 4. Azam Tani – Menggalakkan perniagaan berasaskan pertanian seperti tanaman kontan, pemeliharaan ayam, itik, ternakan ikan sangkar dan seumpamanya.	1. Membina Kesedaran – Memberi maklumat tentang kewujudan program bantuan melalui pelbagai saluran. 2. Pendidikan dan Latihan – Membiayai sekolah yang mempunyai ramai pelajar dari golongan miskin dan miskin tegar. 3. Kesihatan – Menambah bilangan klinik dan klinik bergerak serta bantuan untuk membeli anggota badan palsu. 4. Penempatan Kerja – Membantu memadankan peluang pekerjaan untuk golongan miskin dan miskin tegar. 5. Kredit Mikro – Membangunkan kemudahan mekanisma pinjaman untuk memulakan perniagaan kecil dan mengurangkan kebergantungan kepada institusi kewangan secara jangka panjang. 6. Peralihan dan Integrasi semula – Memberi bantuan perlindungan kepada penjenayah sosial seperti bekas penagih dadah, penjenayah juvana dan seumpamanya supaya mereka tidak terpinggir dari masyarakat.	1. Kemudahan Asas – Membina kemudahan sanitasi asas yang baru. 2. Pendidikan – Membina kesedaran tentang pentingnya pendidikan awal persekolahan, pakaian seragam, alat bantu persekolahan dan menambah kapasiti asrama. 3. Kesihatan – Memperluas rawatan dialisis. 4. Perumahan – Menyediakan 50,000 rumah baru dan baik pulih serta 14,000 rumah untuk orang asli. 5. Insurans – Bekerjasama dengan sektor swasta terpilih bagi menawarkan skim insurans 1Malaysia mensasarkan semua miskin tegar menikmati perlindungan insurans pada 2012.

Sumber : Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Malaysia (2014)

GTP ini telah mengenal pasti dua pendekatan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan kemiskinan tegar iaitu program bantuan kebajikan dan peningkatan pendapatan. Pembiayaan bantuan kebajikan bulanan dipercepatkan dan memberi bantuan untuk meningkatkan pemilikan rumah.

2.6 PROJEK DAN BANTUAN PEMBANGUNAN

Jawatankuasa pengurusan eKasih Daerah Kota Tinggi dengan usaha sama daripada agensi-agensi pemberi bantuan menyalur projek dan bantuan pembasmian kemiskinan seperti yang telah digariskan oleh pihak ICU JPM (*LAMPIRAN 3*). Program ini difikirkan bersesuaian dengan setiap golongan sasaran dan setelah mendapat persetujuan dalam Mesyuarat *Focus Group* Daerah yang ditetapkan sebagaimana berikut :

2.6.1 Program Bantuan Rumah (PDKT/MDKT/KEJORA/MAIJ)

Program ini menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasaran mendiami rumah yang lebih selamat dan selesa berbanding tempat kediaman terdahulu. Matlamat program ini ialah untuk meningkatkan dengan segera kualiti hidup mereka. Kumpulan sasaran bagi program ini adalah golongan miskin tegar yang berdaftar dengan sistem ekasih terutamanya golongan tua, cacat dan uzur serta ibu tunggal yang ramai tanggungan. Penerima bantuan mesti memiliki tanah sendiri, atau mempunyai kebenaran bertulis daripada pihak ketiga sekiranya menyewa atau menumpang daripada tuan tanah, atau kerajaan.

Kadar bantuan yang dibenarkan bagi skop bina baru bernilai RM21,000 hingga RM40,000 mengikut bilangan bilik bagi Semenanjung

dan RM26,500 hingga RM50,000 bagi Sabah dan Sarawak. Sementara kadar baik pulih dilihat pada keadaan situasi semasa sesebuah rumah dimana kos baik pulih maksimum bernilai RM11,000 bagi Semenanjung dan RM12,000 bagi Sabah dan Sarawak.

2.6.2 Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya

(PDKT/KEJORA/MDKT)

Program ini menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasar mengikuti latihan kemahiran serta kemahiran asas MLVK (Sijil Kemahiran Malaysia SKM I dan SKM II).

Kumpulan sasar program ialah dari golongan yang berdaftar dengan pangkalan data ekasih. Keutamaan diberikan kepada ketua isi rumah yang produktif, ahli isi rumah yang tidak bersekolah dan tidak bekerja, ibu tunggal yang mempunyai ramai tanggungan dan produktif, ahli isi rumah yang masih ditanggung oleh ibu tunggal dan ahli isi rumah yang ditanggung oleh KIR kurang upaya.

Kadar bantuan meliputi yuran pengajian, tempat tinggal, makan dan minum berserta elaun bulanan. Bagi kursus kurang tempoh sebulan, peserta akan diberi Elaun Hilang Pendapatan sebanyak RM25 sehari manakala bagi kursus lebih daripada tempoh itu Elaun Sara Hidup sebanyak RM150 sebulan akan diberi. Kursus/latihan yang disediakan termasuk pertanian, perkhidmatan dan pembuatan.

Jadual 2.6 : Tempoh Latihan / Kursus bersama Kadar Bantuan

Tempoh Latihan / Kursus	Kadar Bantuan Maksimum (RM)
Kurang dari 1 minggu	1,500
Jangka pendek 1 minggu kurang 3 bulan	3,000
Jangka sederhana 3 bulan kurang 6 bulan	5,000
Jangka panjang 6 bulan kurang 1 tahun	10,000
Bagi kursus SKM I dan SKM II yang Melangkau tahun semasa dan tahun berikut	15,000

(Sumber : Unit Penyalarsan Pelaksanaan, 2014)

2.6.3 Program Peningkatan Pendapatan

(PDKT/KEJORA/MDKT/PPK/PERTANIAN/FAMA)

Program ini menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan untuk membolehkan kumpulan sasar menyertai atau menjalankan projek-projek ekonomi dalam pelbagai sektor. Kumpulan sasar adalah terdiri daripada Ketua Isi Rumah (KIR), Ibu Tunggal (IT), Surirumah (SR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) Miskin Tegar yang produktif iaitu bagi mereka telah tamat persekolahan, tidak uzur dan berminat terhadap projek yang ditawarkan. Komponen dan kadar bantuan berupa modal dan khidmat pengurusan bernilai RM10,000 bagi projek-projek ekonomi meliputi kursus dan latihan pra pelaksanaan, bahan mentah, mesin, permis serta modal asas pembangunan operasi yang dibahagikan kepada empat kategori iaitu (i) perusahaan sumber asas tani (ii) berniaga secara kecil-kecilan berupa kios, penjajaan bergerak atau statik, troli berpayung dan seumpamanya (iii) Aktiviti perkhidmatan seperti jahitan pakaian, salon kecantikan, gunting

rambut dan sebagainya. (iv) Aktiviti pertanian seperti tanaman kontan kecil-kecilan.

2.6.4 Program Kecemerlangan Pendidikan

(PPD/PDKT/KEJORA/MDKT)

Program ini menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi mengikuti kursus-kursus peningkatan akademik pelajar daripada anak-anak kumpulan sasar. Matlamatnya ialah untuk meningkatkan tahap pendidikan serta pencapaian akademik pelajar supaya mereka berpeluang mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi. Kumpulan sasar terdiri daripada AIR miskin tegar yang bersekolah dan berdaftar dalam sistem pangkalan data eKasih. Komponen program termasuklah kelas tuisyen PMR, SPM dan STPM; kursus persediaan menghadapi peperiksaan; kursus program motivasi pelajar dan kem sahsiah. Kadar maksimum bantuan setiap pelajar adalah RM500.

2.6.5 Program Latihan Modal Insan (PDKT/KEJORA/MDKT)

Program ini menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan untuk membolehkan kumpulan sasar mengikuti kursus-kursus perubahan sikap, motivasi dan pembangunan minda. Matlamat program ialah untuk membangunkan minda serta sikap golongan sasar supaya lebih bermotivasi untuk berusaha meningkatkan ilmu, kemahiran dan pendapatan keluarga. Golongan miskin tegar yang produktif terdiri daripada KIR, SR dan AIR dan berdaftar dalam sistem pangkalan data eKasih. Komponen kursus melibatkan kursus motivasi dan perubahan sikap, pembangunan

modal insan, kem sahsiah dan bengkel kebahagiaan keluarga termasuk lawatan sambil belajar. Setiap komponen disenaraikan mengikut kategori golongan sasaran. Bagi setiap kursus kadar bantuan maksimum bagi setiap peserta adalah RM1,500. Program ini dilaksanakan oleh agensi-agensi pelaksana yang menggunakan syarikat-syarikat pengendali kursus yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

2.6.6 Program Bantuan Makanan dan Bantuan Makanan Seimbang (PDKT/MDKT/KEMAS)


Tujuan utama program bantuan makanan ialah membantu meringankan beban keluarga berpendapatan rendah melalui pembelian makanan asas yang ditaja oleh kerajaan negeri Johor dan penderma korporat. Keluarga penerima dipilih tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan. Objektif jangka masa panjang program ini adalah untuk membantu keluarga terpilih bebas dari belenggu kemiskinan. Bantuan makanan merupakan tahap permulaan dalam usaha mencapai objektif ini. Program yang dikenali sebagai MyKasih ini bertujuan membantu menjana pendapatan tambahan keluarga miskin tegar dan mudah miskin serta menggalakkan anak-anak keluarga penerima agar tidak mengabaikan pelajaran. Bantuan yang diberikan adalah berjumlah RM100 sebulan berjumlah RM1,200 setahun.

Program bantuan makanan seimbang pula menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan kepada golongan sasaran miskin tegar berumur 12 tahun ke bawah dan bersekolah menikmati makanan yang seimbang dan

berkhasiat. Matlamat program ialah untuk membantu pertumbuhan fizikal dan keupayaan pelajar golongan sasar.

Kumpulan sasar terdiri daripada KIR atau IT dan KIR kurang upaya yang mempunyai AIR yang berumur 12 tahun ke bawah dan masih bersekolah. Setiap penerima bantuan akan diberi 5 pakej bakul makanan tambahan setahun dan disediakan mengikut nasihat Kementerian Kesihatan. Harga maksimum satu bakul makanan mengikut kawasan yang ditetapkan seperti berikut :

Jadual 2.7 : Program Bantuan Makanan Mengikut Wilayah



Kawasan	Harga Sebakul (RM)
Semenanjung	110.00
Sarawak	125.00
Sabah & W.P Labuan	130.00

(Sumber : Unit Penyelarasan Pelaksanaan, 2014)

2.6.7 Program ASB – Sejahtera (FELCRA)

Program ini menyediakan bantuan kewangan secara geran bagi perolehan saham Amanah Saham Berhad (ASB) oleh peserta. Matlamat program ini ialah untuk memberi tambahan pendapatan golongan miskin tegar luar bandar. Peserta akan diberi bantuan kewangan sebanyak RM5,000 untuk dilaburkan bagi perolehan saham ASB. Peserta akan hanya menerima dividen tahunan tanpa mempunyai sebarang hak ke atas dana tersebut yang masih kekal menjadi hak kerajaan.

2.6.8 Program Pembangunan Masyarakat Setempat

(PDKT/KEJORA/JAKOA)

Program ini menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membangunkan kawasan penempatan golongan sasar secara *in-situ* atau penempatan baru. Matlamat utama program ialah untuk membolehkan peserta dikawasan luar bandar mendapat kemudahan asas pembangunan melalui penyediaan kemudahan perumahan, infrastruktur, utiliti, imeniti sosial dan menyertai arus perdana pembangunan. Kumpulan sasar bagi program ini ialah keluarga miskin tegar dan isi rumah berpendapatan kurang daripada Garis Pendapatan Kemiskinan (GPK).

Keutamaan diberi kepada KIR yang mempunyai ramai tanggungan, tidak mempunyai tanah/rumah sendiri, tinggal dikawasan bencana atau terpencil, penempatan semula Orang Asli. Program ini mengandungi (4) empat komponen yang bersepadu iaitu (i) Bantuan pembinaan rumah-rumah peserta miskin tegar dan kemudahan imeniti sosial seperti dewan, surau, bangunan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA), bangunan serbaguna dan sebagainya; (ii) Pembangunan infrastruktur utiliti asas meliputi kerja ukur, kerja tanah, perparitan, bekalan air & elektrik, dan kerja-kerja baik pulih & naik taraf infrastruktur. (iii) Rancangan ini juga meliputi program-program perubahan sikap, motivasi, pembangunan modal insan kepada KIR, SR, AIR ; dan (iv) Penyediaan PPP kepada peserta yang produktif.

2.7 FAKTOR PENYOKONG DAN PENGHALANG PEMBASMIAN KEMISKINAN

2.7.1 Faktor Penyokong Pembasmian Kemiskinan

Pengurusan organisasi khususnya aktiviti membasmi kemiskinan yang melibatkan usaha merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal pegawai yang berada dalam organisasi untuk sama-sama berusaha kearah mencapai matlamat yang sama. Dalam usaha memantapkan pengurusan pembasmian kemiskinan, adalah menjadi tanggungjawab organisasi untuk menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang. Keberkesanan pengurusan pembasmian kemiskinan dapat diukur melalui penyampaian perkhidmatan yang cemerlang dan sering dikaitkan dengan penawaran perkhidmatan atau produk yang berkualiti.

Hubungan yang secara kerap dengan memberi maklumbalas yang tepat kepada anggota kerja dan peserta eKasihakan menyumbang kepada proses pencapaian matlamat pengurusan organisasi dan peningkatan produktiviti kerja yang memuaskan semua pihak. Manakala prestasi kerja diukur dengan kejayaan pembasmian kemiskinan bila mana organisasi telah melalui pencapaian matlamat yang dicapai dari sudut kuantiti dan kualiti pada setiap anggota yang menjalankan tugas terhadap kerjanya. Pembaharuan dalam pentadbiran dan pengurusan basmi kemiskinan ini amat penting dalam menambahbaikkan kecekapan dan keberkesanan prosedur kerja dengan penekanan terhadap pembaharuan strategi lama kepada strategi baru mengikut peredaran masa (Samir & Sara, 2012).

Arawati (2005) menyatakan bahawa pengurusan kualiti adalah merupakan satu strategi penting untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan

sesebuah organisasi. Antara aspek penting adalah tumpuan dan komitmen pengurusan terhadap usaha meningkatkan prestasi perkhidmatan yang dapat dinilai berdasarkan aktiviti dan tindakan yang dilakukan oleh pihak pengurusan.

Bagi Randell (2004) pula selain daripada keberkesanan pengurusan organisasi membasmi kemiskinan secara keseluruhannya, prinsip yang mendasari kepada keberkesanan pengurusan organisasi juga terletak kepada sifat bertanggungjawab individu di mana apabila seseorang melakukan kebaikan kepada individu lain maka akan wujud jangkaan balas masa hadapan terhadap kebaikan yang diterima. Pekerja yang merasakan organisasinya prihatin dengan memberi sokongan dan mengambil berat, perasaan kebertanggungjawaban akan meningkatkan emosi dan personel tersebut yang mendorong mereka lebih komited terhadap organisasi (Robbins & Judge, 2011).

Kemahiran mengurus kerja di kalangan pegawai pengurusan adalah perlu kerana kegagalan sesuatu pelaksanaan program mungkin berpunca daripada masalah kurang mempunyai pengetahuan terhadap program yang diterima peserta (Rasidah & Suryati, 2010).

2.7.2 Faktor Penghalang Pembasmian Kemiskinan

Bagi Mohd Raduan, *et.al*, (2007) ada menyebut bahawa terdapat beberapa faktor yang dikenal pasti sebagai punca mengapa majoriti nelayan berada dalam keadaan miskin iaitu kerana kekurangan modal untuk membeli bot dan peralatan, daya pengeluaran yang rendah, tingkat pelaburan semula yang rendah, sistem perkongsian penangkapan yang

diamalkan, sistem harga yang merugikan, corak penangkapan yang bermusim. Selain daripada bantuan fizikal yang disediakan pihak kerajaan, sikap peserta sendiri tidak seiring dengan usaha kerajaan sebagai penyedia peluang peningkatan pendapatan. Peserta eKasih perlulah berusaha sedaya upaya mengubah nasib ahli-ahli keluarga dengan menghadiri kursus-kursus motivasi dan kendiri yang akan membentuk peserta ke arah modal insan yang berkualiti. Kegagalan mengurus program dengan baik akan memberikan tanggapan yang negatif daripada peserta selain merugikan dari segi beban kewangan kepada kerajaan (Rosli, 2007).

2.8 ISTILAH MENJUSTIFIKASI DAPATAN KAJIAN

2.8.1 Bidang Keberhasilan Utama

Tujuan utama pembentukan *KRA* adalah untuk memastikan pelaksanaan projek/bantuan pembangunan dilaksanakan secara holistik dan bersepadu. Terdapat kemungkinan satu *KRA* akan dikongsi oleh beberapa agensi pelaksana yang berlainan. Pembentukan *KRA* sangat penting bagi membantu penyusunan tugas utama atau fungsi organisasi mengikut keutamaan serta memberi nilai tambah terutamanya daripada segi penambahbaikan berterusan dan keputusan berimbang

2.8.2 Projek/Bantuan Pembangunan

Untuk mencapai matlamat Bidang Keberhasilan Utama(*KRA*)di atas, ia perlu disokong dengan pelbagai aktiviti pembangunan atau tindakan strategik, sama ada dalam bentuk program ataupun projek. Projek bersifat

individu dan lazimnya merujuk kepada projek fizikal seperti program peningkatan pendapatan (PPP). Projek dan bantuan pembangunan pembasmian kemiskinan ini adalah seperti Jadual 2.8 di bawah :

Jadual 2.8 : Projek/Bantuan Pembangunan

<i>KRA</i>	Program	Projek/Bantuan
Pembasmian kemiskinan tegar dan peningkatan pendapatan isi rumah miskin tegar	Program pembasmian kemiskinan	1. Program Peningkatan Pendapatan 2. Program Bantuan Rumah 3. Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya 4. Program Bantuan Makanan 5. Program ASB Sejahtera 6. Program Pembangunan Masyarakat Setempat

2.8.3 Objektif

Objektif merupakan tujuan atau keputusan yang ingin dicapai daripada sesuatu projek/bantuan pembangunan yang dilaksanakan di bawah *KRA* yang tertentu. Objektif juga merupakan komponen terpenting dalam penilaian *outcome* kerana ia akan membentuk indikator-indikator pencapaian yang akan diukur. Ia perlu bersifat realistik, jelas, boleh diukur dan terikat dengan tempoh waktu yang tertentu.

2.8.4 Golongan Sasar

Golongan sasaran ialah penerima manfaat dari kalangan peserta eKasihmiskin tegar untuk projek/bantuan pembangunan secara langsung dan tidak langsung yang dilaksanakan. Golongan sasaran ini terdiri daripada individu KIR dan AIR di mana-mana peringkat jantina dan usia seperti orang-orang tua, orang kurang upaya, belia, pelajar dan sebagainya.

2.8.5 *Input*

Perancangan yang rapi terhadap keperluan dan penggunaan *input* sangat penting bagi memastikan proses penghasilan *output* berjalan lancar dan mencapai *outcome* yang telah disasarkan.

2.8.6 *Output*

Output ialah produk atau keluaran yang dihasilkan daripada *input* sesuatu projek/bantuan pembangunan untuk mencapai matlamat pembangunan. Ia merupakan pra syarat kepada pencapaian *outcome* atau impak yang disasarkan. Kuantiti dan kualiti *output* mempengaruhi *outcome* yang akan dinikmati oleh golongan sasaran. Penghasilan *output* yang bersifat *substandard* dan berkualiti rendah akan menyumbang kepada pencapaian *outcome* yang rendah.

2.8.7 *Outcome*

Outcome merupakan kesan/keberhasilan jangka pendek atau sederhana yang diperoleh daripada *output* pembangunan. Ia merupakan perubahan positif yang seharusnya dicapai melalui projek/bantuan pembangunan terhadap golongan sasaran dalam tempoh masa tertentu yang ditetapkan.

2.8.8 *Impak*

Impak merupakan kesan atau perubahan yang berlaku dalam tempoh jangka masa panjang terhadap golongan sasaran. Lazimnya, tempoh selepas

lima tahun adalah jangka waktu yang sesuai untuk melaksanakan penilaian impak.

2.8.9 Petunjuk Prestasi Utama dan Indikator Pencapaian

Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*) merupakan indikator pencapaian paling penting yang digunakan untuk mengukur prestasi dan pencapaian projek/bantuan pembangunan. *KPI* juga merupakan petunjuk yang menerangkan tindakan yang perlu dilakukan untuk meningkatkan pencapaian secara dramatik. Ringkasnya, *KPI* merupakan bukti pencapaian yang akan digunakan untuk menyokong penemuan semasa melakukan penilaian *outcome* (Jabatan Perdana Menteri, 2012).



BAB 3

KAEDAH KAJIAN

3.1 REKABENTUK KAJIAN

Kajian berbentuk kualitatif dijalankan melalui temu bual dengan pegawai pengurusan eKasih di mukim-mukim dalam daerah Kota Tinggi, Johor. Menurut Widodo dan Mukhtar (2000), kajian kualitatif merupakan penelitian untuk menemukan pengetahuan seluas-luasnya terhadap objek penelitian pada suatu saat tertentu. Penelitian yang dimaksudkan adalah untuk mengumpulkan maklumat mengenai status suatu pembolehubah atau tema, gelagat atau keadaan yang ada, iaitu keadaan situasisemasa pengkajian dilaksanakan.

3.2 POPULASI DAN PERSAMPELAN KAJIAN

Populasi kajian melibatkan pegawai pengurusan eKasih yang diberikan tanggungjawab mengendali pengurusan eKasih di daerah Kota Tinggi. Sehingga 30 Jun 2014 terdapat seramai 59 orang penerima bantuan eKasih di dalam kategori miskin tegar yang diuruskan oleh 53 orang pegawai pengurusan.

3.3 PENGUMPULAN DATA

Jenis dan bentuk data yang dikumpul bergantung kepada *KPI* yang telah dikenal pasti semasa pembentukan kerangka keberhasilan seperti di rajah 3.8 di bawah. Data-data ini diperlukan untuk tujuan pembuktian terhadap persoalan-persoalan yang telah dikenal pasti semasa penggubalan objektif kajian. Terdapat dua jenis data iaitu data primer dan data sekunder seperti berikut :

3.3.1 Data Primer

Data primer merujuk kepada data yang diperolehi secara langsung daripada semua pihak yang berkepentingan sama ada daripada agensi pelaksana, pemimpin, penggubal polisi sehingga golongan sasaran melalui borang soal selidik di mana sesi temubual bersama Ahli-Ahli Jawatankuasa *Focus Group* dan Peserta eKasih.

Kaedah ini membolehkan kajian secara mendalam dan terperinci dijalankan mengenai kesan perubahan yang berlaku (*outcome* dan impak) serta faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan atau kegagalan sesuatu projek/bantuan pembangunan tersebut.

Penyelidik menemubual individu yang benar-benar memiliki pengetahuan dan maklumat bidang yang dikaji iaitu pegawai pengurusan peserta eKasih dikalangan miskin tegar. Penyelidik menemubual ketua jabatan Pejabat Daerah, Urusetia eKasih Daerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan eKasih Daerah Kota Tinggi seperti dalam penyediaan borang selidik (*LAMPIRAN 13b*).

3.3.2 Data Sekunder

Data sekunder merujuk kepada data yang dikumpul, diperolehi, dicetak atau diterbitkan oleh pihak lain. Data sekunder boleh diperolehi melalui sumber-sumber seperti berikut:

(i) Rekod Jabatan

Sumber data pada peringkat jabatan seperti rekod operasi, penyata kewangan, laporan prestasi, statistik, sistem (teknologi

maklumat) serta lain-lain dokumen seperti dasar, pelan induk, kajian rancangan struktur, rancangan tempatan dan minit mesyuarat.

(ii) Rekod Jabatan/Agensi Lain

Data atau maklumat yang diperoleh dari jabatan atau agensi lain yang mempunyai hubung kait atau persamaan dengan projek/bantuan pembangunan yang dilaksanakan.

(iii) Sumber Maklumat Lain

Penggunaan teknik pengumpulan data melalui semakan dokumen seperti terbitan jurnal, artikel, surat edaran, petikan akhbar, layaran internet, laporan tahunan, buku rujukan dan laporan minit mesyuarat *Focus Group*. Laporan sumber maklumat pengurusan eKasih ini bermula bagi tempoh 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014. Semakan ini akan membantu penyelidik mengesahkan maklumat diperolehi yang tidak hanya tertumpu daripada hasil kajian temu bual dan pemerhatian semata-mata.

3.4 KAEDAH AMBILAN DATA

3.4.1 Temu Bual bersama Pegawai Pengurusan eKasih

Soalan semi-struktur disediakan untuk menemubual responden bagi mendapatkan maklum balas peserta mengenai isu dan menerima pandangan di atas penambahbaikan penyaluran bantuan yang dikehendaki oleh peserta berkenaan.

Dalam kaedah ini penyelidik menemu bual ahli jawatankuasa Mesyuarat Pengurusan eKasih seramai 49 orang dan menjalankan aktiviti pengutipan data yang melibatkan interaksi bersemuka. Pengkaji juga meminta maklumat lanjut melalui *short message system (sms)* sekiranya terdapat keperluan bagi mendapatkan pandangan tentang hal-hal yang berkaitan dengan prinsip pengurusan eKasih terhadap penentuan pemilihan peserta yang berkecualan serta isu-isu yang dibangkitkan dalam mesyuarat. Penyelidik memperuntukkan masa selama semingguhingga selewat-lewatnya empat minggu untuk memuktamadkan jawapan yang telah dikemukakan oleh responden.

3.4.2 Pemerhatian dalam Mesyuarat *Focus Group*

Kaedah pemerhatian berstruktur dengan pemerhatian penyelidik mengikut agenda mesyuarat yang disediakan oleh pihak urusetia seperti (i) perutusan pengerusi; (ii) pengesahan minit mesyuarat bulan lepas; (iii) perkara-perkara berbangkit; (iv) statistik daftar eKasih terkini; (v) laporan naik taraf kategori miskin; (vi) laporan senarai miskin tegar; (vii) laporan program peningkatan pendapatan setiap jabatan; (viii) laporan program bantuan rumah; dan (ix) laporan pendaftaran baru.

Pemerhatian penyelidik adalah bagi menilai isu-isu berbangkit yang diutarakan setiap ahli mesyuarat berkaitan inisiatif yang telah dan akan disalurkan serta melihat keberkesanannya dengan tindakan pembetulan terhadap kelonggaran pelaksanaan prinsip-prinsip pengurusan. Pemerhatian selaku ahli jawatankuasa mesyuarat juga melihat reaksi ahli jawatankuasa

mesyuarat dalam setiap maklum balas yang dibangkitkan di Bilik Gerakan Pejabat Daerah Kota Tinggi.

3.4.3 Meneliti Dokumen Pengurusan eKasih

Penelitian terhadap dokumen pengurusan eKasih dapat memastikan pelaksanaan matlamat pembasmian kemiskinan adalah berdasar prosedur sebagaimana yang dikehendaki. Penyelidik membuat semakan terhadap laporan pengurusan eKasih peringkat Negeri Johor dan laporan pengurusan eKasih peringkat Daerah Kota Tinggi.

Bentuk laporan yang disemak pula berupa laporan minit mesyuarat mengenai pembentangan laporan setiap ahli dan laporan maklumbalas yang dijawab daripada isu-isu berbangkit.

Selain daripada itu penyelidik juga perlu menyemak surat pekeliling tentang tatacara pengendalian data serta prosedur penyaluran bantuan yang dikeluarkan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri sebagai pembuat dasar pengurusan eKasih peringkat nasional yang kemudian diturunkan ke peringkat negeri untuk dilaksanakan di peringkat daerah.

3.5 PRINSIP PENGUMPULAN DATA

Tiga prinsip asas dalam proses pengumpulan data adalah seperti berikut :

3.5.1 Boleh Dipercayai (*Reliable*)

Merujuk kepada konsistensi dan kebolehpercayaan dalam pengutipan data dari mereka yang berpengalaman dalam pengurusan eKasih di daerah Kota Tinggi.

3.5.2 Sahih (*Valid*)

Merujuk kepada ketepatan dalam pengukuran. Data yang diukur merupakan maklumat sebenar yang diperlukan dalam penilaian. Responden yang dipilih adalah terdiri daripada mereka yang benar-benar terlibat atau berkepentingan dalam pembangunan dan pengurusan eKasih.

3.5.3 Berwibawa (*Credible*)

Data yang dikumpul adalah dari sumber yang sah, berwibawa dan boleh dipertahankan. Analisis dan rumusan yang dibuat pula mempunyai justifikasi yang kukuh untuk dipercayai dan diterima berdasarkan pembuktian terhadap pengumpulan maklumat yang ada.

(Cooper & Schindler, 2014)



Universiti Utara Malaysia

3.6 PRINSIP PENILAIAN DATA

Prinsip penilaian data adalah bersandarkan kepada pencapaian sebenar *KPI* terhadap penyaluran projek dan bantuan pembangunan yang digunakan bagi mengukur *output* dan *outcome* berbanding sasaran. Bagi menetapkan dapatan kajian, rekod pencapaian terdahulu digunakan sebagai data asas. Sekiranya projek dan bantuan pembangunan pertama kali dilaksanakan,

3.7 ANALISIS DATA

Pengukuran pencapaian dilakukan secara analisis jurang (*gap analysis*) iaitu pencapaian sebenar daripada Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*). Kajian ini memberi tumpuan kepada pola pengurusan, penentuan kumpulan sasaran yang

layak serta projek-projek dan bantuan yang disediakan untuk mencapai matlamat mengurangkan golongan miskin khususnya miskin tegar.

Data atau maklumat yang diperoleh dalam bentuk persepsi, pandangan, pendapat, maklum balas, reaksi dan lain-lain akan diubah dalam bentuk ukuran yang tertentu. Ia merupakan proses pembuktian iaitu menterjemahkan data yang diperoleh dalam bentuk maklumat yang diperlukan dengan menggunakan kaedah analisis gambar atau analisis jurang. Analisis jurang pula merupakan perbezaan antara sasaran *outcome* sebenar daripada pelaksanaan program. Analisis ini dilakukan terhadap *KPI* yang ditetapkan iaitu membandingkan antara pencapaian sebenar dengan sasaran ataupun data asas. Ia juga merupakan perbandingan antara sebelum dan selepas pelaksanaan program pembangunan bagi tujuan membuat rumusan penilaian.

Dapatan kajian diperolehi dengan menilai serta mengukur keberkesanan strategi pembasmian kemiskinan melalui sesi temu bual, pemerhatian dalam mesyuarat dan penelitian terhadap dokumen berkaitan. Proses kajian ini mengambil kira faktor-faktor penyokong dan penghalang kepada pengurusan dan peserta eKasih yang boleh mempengaruhi matlamat pembasmian kemiskinan. Penganalisaan ini juga memberi tumpuan kepada data demografi peserta eKasih dan data demografi pegawai pengurusan yang menjadi dimensi kepada perubahan pola sosio ekonomi semasa dan gelagat pengurusan pembangunan sistem eKasih.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini adalah bertujuan untuk menilai dan menghurai keberkesanan pembasmian kemiskinan melalui kajian temu bual terhadap pihak pengurusan eKasih dan peserta miskin tegar yang menyalurkan isu semasa pembasmian kemiskinan daerah Kota Tinggi.

Secara umumnya bab ini menerangkan hasil yang diperolehi bagi merungkai objektif-objektif kajian seperti berikut :

- 
- (i) untuk mendapat maklum balas peserta eKasih mengenai kesesuaian program-program pembasmian kemiskinan di daerah Kota Tinggi berbanding dengan keperluan isi rumah berkenaan.
 - (ii) untuk mengetahui perubahan-perubahan sosio ekonomi peserta eKasih daerah Kota Tinggi setelah menyertai program pembasmian kemiskinan.
 - (iii) untuk mengenal pasti faktor-faktor kejayaan dan kegagalan program-program pembasmian kemiskinan di daerah Kota Tinggi.

4.2 ANALISIS DEMOGRAFI PENGURUSAN eKASIH

Analisis demografi pengurusan eKasih seperti yang dapat diperhatikan dalam Jadual 4.2 di bawah, terdapat 5 dimensi yang menggambarkan kedudukan demografi sampel pegawai pengurusan eKasih dengan melibatkan seramai 49 orang responden.

Dari segi umur separuh daripada mereka dengan 42.86 peratus iaitu seramai 21 orang berumur antara 41-50 tahun, umur 31-40 seramai 16 orang iaitu 32.54 peratus, 8 orang melebihi 50 bersamaan 16.33 peratus dan hanya 4 orang atau 8.16 peratus daripada mereka berumur 21.30 tahun.

Bagi pecahan jantina pula 82.71 peratus atau seramai 42 orang merupakan pegawai lelaki dan 14.29 atau seramai 7 orang merupakan pegawai wanita.

Jadual 4.2: Analisis Demografi Pengurusan eKasih

Umur	Bilangan	Peratus
21-30 thn	4	8.16
31-40 thn	16	32.54
41-50 thn	21	42.86
>50 thn	8	16.33
JUMLAH	49	100
Jantina		
Lelaki	42	85.71
Perempuan	7	14.29
JUMLAH	49	100
Bangsa		
Melayu	49	100.00
Cina	0	0.00
India	0	0.00
Lain-Lain B/putra	0	0.00
JUMLAH	49	100
Jenis Pekerjaan		
Pengurusan & Profesional	24	48.98
Pelaksana	25	51.02
JUMLAH	49	100
Taraf Pendidikan		
PMR	0	0
SPM	15	30.61
Diploma	9	18.37
Ijazah	25	51.02
JUMLAH	49	100

(Sumber :Hasil Analisis, 2014)

Responden pegawai pengurusan eKasih adalah terdiri 100 peratus bangsa Melayu iaitu seramai 49 orang.

Manakala terdapat keseimbangan dari segi pecahan pekerjaan dengan 24 orang atau 48.98 peratus daripadanya adalah merupakan pegawai golongan pengurusan & professional sementara 51.02 atau seramai 25 orang adalah pegawai daripada kategori pelaksana.

Dari segi taraf pendidikan pula, 25 pegawai atau 51.02 peratus daripada mereka adalah lepasan Ijazah. Ini diikuti seramai 15 pegawai atau 30.61 berkelulusan SPM dengan 9 pegawai atau 18.37 peratus adalah berkelulusan Diploma.

4.3 ANALISIS DEMOGRAFI KIR eKASIH

Seperti yang dapat diperhatikan dalam Jadual 4.3 di bawah, terdapat 6 dimensi yang menggambarkan kedudukan demografi sampel peserta eKasih dengan daripada 48 responden adalah dari kategori miskin tegar daerah Kota Tinggi.

Dari segi umur separuh daripada mereka dengan 52.08 peratus iaitu seramai 25 orang berumur antara 41-50 tahun, umur 31-40 seramai 20 orang iaitu 41.46 peratus dan 3 orang melebihi 50 bersamaan 6.25 peratus.

Bagi pecahan jantina pula 91.67 peratus atau 44 orang merupakan KIR lelaki dan hanya 4 orang atau 8.33 peratus daripada merupakan KIR perempuan.

Majoriti daripada responden peserta eKasih yang ditemu bual, 100 peratus adalah berbangsa Melayu.

Manakala seramai 34 orang bersamaan 70.83 peratus menyara keluarga dengan hasil pendapatan sebagai nelayan manakala selebihnya buruh kasar 8 orang dan penjaja 6 orang masing-masing 16.67 peratus dan 12.50 peratus.

Jadual 4.3: Analisis Demografi KIR eKasih

Umur	Bilangan	Peratus
21-30 thn	0	0
31-40 thn	20	41.67
41-50 thn	25	52.08
>50 thn	3	6.25
JUMLAH	48	100
Jantina		
Lelaki	44	91.67
Perempuan	4	8.33
JUMLAH	48	100
Bangsa		
Melayu	48	100.00
Cina	0	0.00
India	0	0.00
Lain-Lain B/putra	0	0.00
JUMLAH	48	100
Jenis Pekerjaan		
Nelayan	34	70.83
Buruh Kasar	8	16.67
Penjaja	6	12.50
JUMLAH	48	100
Taraf Pendidikan		
Tiada	0	0
Sek. Rendah	7	14.58
PMR	18	37.50
SPM	23	47.92
JUMLAH	48	100
Bilangan Isi Rumah		
1-4	5	10.42
5-7	15	31.25
>7	28	58.33
JUMLAH	48	100

(Sumber :Hasil Analisis, 2014)

Dari segi pendidikan tertinggi pula 23 orang atau 47.92 peratus daripada peserta berkelulusan SPM, PMR 18 orang iaitu 37.50 peratus dan sek rendah sebanyak 14.58 peratus seramai 7 orang. Kedudukan ini menggambarkan peserta berkenaan masih perlu diberikan pendidikan lanjutan berbentuk latihan kemahiran yang khusus dengan kebolehan yang sedia ada dan masih lagi dikategori sebagai produktif dan sihat dari segi umur.

Sementara itu dari pecahan tanggungan menunjukkansetiap keluarga dengan bilangan tanggungan 5-7 orang yang mewakili seramai 15 responden atau 31.25 peratus dan bilangan melebihi 7 orang tanggungan pula mewakili 28 responden atau 58.33 peratus menunjukkan majoriti golongan miskin tegar dan hanya 5 orang atau 10.42 peratus daripada mereka mempunyai tanggungan seramai 1-4 orang.

4.4 ANALISIS BIDANG KEBERHASILAN UTAMA

Berikut adalah analisis bidang keberhasilan utama yang dapat dinyatakan oleh penyelidik selaras dengan pemerhatian sebagai ahli tetap sepanjang berada dalam Jawatankuasa Penyelarasan *Focus Group* Daerah Kota Tinggi :

(a) Mengerak Tindakan Untuk Berubah

(i) Mesyuarat *Pra Focus Group* sebagaimana *LAMPIRAN 9* diadakan bertujuan menyelaraskan antara agensi pemberi bantuan serta melihat peluang-peluang yang patut diberi kepada peserta ekasah. Antara inisiatif yang diberi tumpuan adalah pendaftaran baru, PBR, PPP, naik taraf kemiskinan dan sebagainya. Perbincangan ini kemudian akan dicatatkan dalam Laporan Mesyuarat Penyelarasan *Focus*

Group Daerah untuk makluman dan tindakan selanjutnya oleh agensi-agensi terlibat.

(ii) *Flying Squad* dalam *LAMPIRAN 10* pula merupakan tindakan segera terhadap penemuan baru golongan yang ditakrif miskin yang disenarai dalam data eKasih sebagai tindakan menentukan taraf kemiskinan samada miskin tegar, miskin atau mudah miskin. Program bancian akan diatur dalam lawatan ke mukim-mukim secara bersepadu antara pihak urusetia, KEJORA, MDKT, JKM dan MAIJ kepada golongan sasar tersebut untuk tujuan menawarkan inisiatif-inisiatif yang bersesuaian atas persetujuan agensi pelaksana.

(b) Membentuk Gabungan Mantap

Ahli Jawatankuasa Mesyuarat *Focus Group* Daerah terdiri daripada Urusetia Pejabat Daerah Kota Tinggi seramai 6 orang dan Ahli seramai 47 orang yang mewakili agensi-agensi pemberi bantuan menjadikan jumlah ahli gabungan seramai 53 orang sebagaimana *LAMPIRAN 8a* hingga *LAMPIRAN 8c*.

(c) Membentuk Visi Dan Strategi Baru

Pihak Pejabat Pembangunan Negeri Johor dalam *LAMPIRAN 11* melalui keputusan mesyuarat *focus group* telah mencadangkan tindakan bagi mencapai sasaran Miskin Tegar sifar peratus pada 31.12.2014. Sehubungan dengan itu, daerah Kota Tinggi mempunyai

seramai 59 orang peserta miskin tegar pada 30 Jun 2014, yang perlu menaik taraf peserta samada kepada miskin, mudah miskin atau terkeluar.

(d) Menerang Visi Baru Kepada Ahli

Lock Figure miskin tegar Daerah Kota Tinggi bagi pada 30 Jun 2014 ialah seramai 59 orang (*LAMPIRAN 11*). Angka ini perlu sifar sehingga tempoh berakhir 31.12.2014. Urusetia dan setiap agensi pemberi bantuan diminta memberi tumpuan dengan memberi inisiatif baru supaya peserta dapat dikategorikan terkeluar daripada miskin tegar menjelang tempoh tersebut.

(e) Mengagih Kuasa Secara Kreatif

Mobile team seperti tertera di *LAMPIRAN 12* merupakan program lawatan di lapangan yang diketuai oleh PPNJ dengan melibatkan jabatan-jabatan seperti PDKT, KEJORA, MDKT, MAIJ, JKM, Pendidikan, Job Malaysia dan agensi-agensi lain mengikut keperluan bertujuan mencari golongan berpendapatan di bawah RM1,000 yang belum berdaftar dengan eKasih dan telah dicadangkan oleh penghulu. Peserta akan melalui proses daftar awal, temuduga, dan cadangan program bantuan selanjutnya. Bagi peserta yang tidak layak, proses penyisihan akan dilakukan oleh pihak PPNJ.

(f) Merancang Wawasan Baru

Anugerah Prestasi Cemerlang (APC) telah dikurniakan kepada petugas Pejabat Daerah Kota Tinggi bagi tahun 2013 seperti, Tuan Hj Wan

Ismail, Puan Hjh Faridah, Puan Nurani, Puan Rohana, dan En Norhafis dari unit pembangunan yang terlibat secara langsung sebagai urusetia pengurusan eKasih Daerah Kota Tinggi. Yahya, *et.al*, (2008) menyebut bahawa keupayaan melaksana wawasan organisasi ini disokong dengan penambahbaikan sokongan majikan, pembangunan kerjaya, latihan dan pembangunan serta ganjaran. Program penganugerahan ini semestinya menimbulkan kebanggaan terhadap diri penerima berkenaan yang merupakan suatu ungkapan emosional bagi menunjukkan bagaimana individu mempersepsikan dirinya dikenali oleh orang lain. Individu berkenaan juga merasakan adanya nilai kemanfaatan terhadap dirinya dengan dilihat sebagai seorang yang berkemahiran dalam bidang masing-masing. Akhirnya atas kebanggaan individu terhadap organisasinya akan diterjemah melalui perkongsian pendapat atau-cadangan-cadangan membina dan diterima pakai demi kepentingan kejayaan organisasi.

(g) Membuat Penyesuaian Terhadap Program Baru

Tawaran daripada agensi lain seperti Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) dan ASTRO merupakan antara perubahan dan penyesuaian telah dibuat bagi mempelbagaikan inisiatif-inisiatif yang telah disediakan kepada golongan sasaran.

(i) YPEIM yang berperanan dalam meningkatkan sosio ekonomi KIR yang berdaftar dengan eKasih untuk membantu mengatasi kemiskinan dalam jangka masapendek. Setiap keluarga akan mendapat RM1,000 seorang bagi setiap tanggungan mana yang lebih

tinggi. Tambahan sejumlah RM1,000 lagi akan diberikan kepada balu yang tidak mempunyai pekerjaan. Bantuan perniagaan juga disediakan berjumlah sehingga RM10,000 kepada balu yang ingin menjalankan perniagaan atau membesarkan perniagaan yang sedia ada. Sokongan pendidikan kepada anak-anak yang masih belajar untuk meningkatkan keupayaan pembelajaran dengan had maksimum bantuan berjumlah RM600 setahun bagi setiap anak.

(ii) ASTRO pula merupakan sebuah stesen penyiaran berbayar melalui khidmat tanggungjawab sosial korporat (CSR) telah melancarkan program pada 18 Februari 2012 bertujuan memberi bantuan kepada golongan yang berdaftar dalam data eKasih dengan harapan dapat menikmati kehidupan harian yang lebih selesa sebagaimana orang lain. Ia merupakan satelit siaran TV secara percuma berjenama 'NJOI' dengan tawaran tiada yuran permohonan, tiada bil bulanan dan tiada kontrak. Penyiaran percuma adalah melalui pakej siaran pendidikan, hiburan keluarga, 3 siaran RTM, TV3, TV9 dan 19 siaran digital radio.


4.5 ANALISIS INPUT PROJEK DAN BANTUAN PEMBANGUNAN

Analisis projek dan bantuan pembangunan yang telah diterima oleh 59 peserta eKasih miskin tegar bagi tempoh Julai hingga Disember 2014 mendapati bahawa program bantuan perumahan meliputi 45.76 peratus iaitu masing-masing 25.42 peratus bagi PBR, baik pulih dan bina baru manakala 20.34 peratus pula melalui program PPMS iaitu projek pembinaan rumah berkelompok. Bagi

program peningkatan pendapatan (PPP) pula telah dianjurkan kepada 7 peserta diikuti dengan 25 peserta atau 42.37 peratus masing-masing 10 peserta PLKK dan 15 peserta PLMI. Maklumat lanjut adalah seperti dalam Jadual 4.5 di bawah :

Jadual 4.5: Analisis Projek dan Bantuan Pembangunan
Miskin Tegar Bagitempoh Julai-Disember 2014

Projek/Program	Bilangan	Peratus
1. Program Bantuan Rumah (PBR)	15	25.42
2. Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)	10	16.95
3. Program Peningkatan Pendapatan (PPP)	7	11.86
4. Program Kecemerlangan Pendidikan	0	0
5. Program Latihan Modal Insan (PLMI)	15	25.42
6. Program Bantuan Makanan dan Bantuan Makanan Seimbang	0	0
7. Program ASB Sejahtera	0	0
8. Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS)	12	20.34
	59/59	



Rajah 4.5 : Peratus Pecahan Projek/Bantuan
Miskin Tegar Bagi Tempoh Julai-Disember 2014

4.6 ANALISIS *OUTPUT* PRESTASI PEMBASMIAN KEMISKINAN

Dasar pembasmian kemiskinan daerah Kota Tinggi telah mengenal pasti golongan miskin dengan berasaskan tiga kategori kemiskinan iaitu, miskin tegar, miskin dan mudah miskin. Sebagaimana yang telah ditetapkan oleh ICU JPM pada tahun 2007,

Kategori Miskin Tegar adalah merupakan golongan yang berpendapatan purata bulanan kurang daripada RM430.00 bagi Semenanjung Malaysia, RM540.00 bagi Sabah dan RM520.00 bagi Sarawak. Manakala pendapatan per kapita di rumah tersebut adalah RM100.00 bagi Semenanjung Malaysia, RM110 bagi Sabah dan RM115.00 bagi Sarawak dengan bilangan isi rumah 4.4 bagi Semenanjung Malaysia, 5.2 bagi Sabah dan 4.6 bagi Sarawak.

Kategori Miskin pula ialah golongan yang mempunyai pendapatan RM720.00 bagi Semenanjung Malaysia (RM163.00 per kapita), RM960.00 bagi Sabah (RM184.00 per kapita) dan RM830.00 bagi Sarawak (RM180.00 per kapita).

Kategori Mudah Miskin adalah golongan yang mempunyai pendapatan melebihi PGK bermaksud *threshold* di bawah RM1,500.00 bagi kawasan Bandar dan RM1,000.00 bagi kawasan luar Bandar.

Prestasi pembasmian kemiskinan daerah Kota Tinggi pula sepanjang tahun 2014 bagi kategori miskin telah mengalami arah penurunan kecuali bulan Disember di mana peningkatan kepada angka 266 daripada 264 adalah disebabkan proses menaik taraf peserta kategori miskin tegar kepada kategori miskin. Berdasarkan Jadual 4.6 di bawah dapat diperhatikan jumlah golongan

miskin tegar daerah Kota Tinggi sepanjang tahun 2014 menunjukkan arah penurunan mulai bulan Jun iaitu 59 orang, bulan Julai 33 orang, bulan Ogos 31 orang, bulan September 27 orang, bulan oktober 23 orang, bulan November 20 dan bulan Disember sifar orang. Manakala bilangan peserta kategori mudah miskin terus menunjukkan arah penurunan sehingga lebih ramai daripada mereka telah dinaik taraf kepada kategori keluar. Ini bermakna tumpuan pengurusan eKasih daerah Kota Tinggi adalah bagi memantau peserta daripada kategori miskin dan mudah miskin sahaja.

Jadual 4.6 : Kedudukan Status Kemiskinan Daerah Kota Tinggi
Bagi Tempoh 1 Januari 2014 Hingga 31 Disember 2014



Kategori	Miskin Tegar	Miskin	Mudah Miskin	Terkeluar	Jumlah
Bulan					
31 Jan	75	434	50	1652	2211
28 Feb	74	410	50	1680	2214
31 Mac	70	425	44	1680	2219
30 April	67	405	37	1710	2219
31 Mei	70	397	36	1716	2219
30 Jun	59	417	31	1711	2218
31 Julai	33	451	28	1707	2219
31 Ogos	31	346	29	1816	2222
30 Sept	27	341	18	1845	2231
31 Okt	23	330	15	1864	2232
30 Nov	20	264	2	1956	2242
31 Dis	0	266	2	1956	2242

(Sumber : Petikan Minit Mesyuarat Penyelarasan Focus Group Bulanan Daerah 2014)

4.7 ANALISIS *OUTCOME* TAHAP PENGETAHUAN PESERTA eKASIH TERHADAP PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN

Berikut adalah hasil temu bual 48 responden peserta eKasih miskin tegar untuk mengetahui mengenai sejauh mana tahap pengetahuan mereka terhadap program pembasmian kemiskinan pecahan peratusan adalah seperti di bawah :

(a) Sumber Maklumat Program Perbasmian Kemiskinan Tegar

Majoriti peserta eKasih adalah mereka yang tinggal ditempat terpencil luar bandar menjadikan sumber maklumat program pembasmian kemiskinan tegar hanya diperoleh melalui penyampaian lisan dalam lawatan petugas pengurusan eKasih dengan peratusan adalah 95 peratus bagi sebaran secara lisan sekaligus 85 peratus daripada dalam bentuk bahan bercetak. Analisis menunjukkan bahawa ada juga di antara peserta ini memperoleh sumber maklumat melalui medium media cetak dan media elektronik seperti akhbar, television, laman web dan seumpamanya.

Jadual 4.7 : Peratus Pecahan Tahap Pengetahuan Peserta eKasih Mengenai Sumber Maklumat

(a) Sumber Maklumat Program Perbasmian Kemiskinan Tegar		
✓ Maklumat Media Cetak	-	35%
✓ Maklumat Media Elektronik	-	40%
✓ Sebaran Bahan Bercetak	-	85%
✓ Sebaran Lisan	-	95%

(Sumber : Hasil Analisis, 2014)

(b) Tujuan Program Pembasmian Kemiskinan Dilaksanakan

Melalui analisis yang ditemui oleh penyelidik, 100 peratus peserta miskin tegar ini bersetuju mengenai keperluan projek PPP dan pemilikan rumah menjadi sebab mereka tersenarai dalam pangkalan data eKasih selain 25 peratus mengetahui akan adanya skim penyaluran keperluan pendidikan dan 10 peratus lagi berkaitan dengan bantuan meringankan beban perubatan. Peserta juga sedia maklum sekiranya mereka menerima segala bentuk projek dan bantuan, 60 peratus mengakui adanya peluang mengikuti kursus peningkatan pengetahuan keusahawan yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Jadual 4.8 : Peratus Pecahan Tahap Pengetahuan Peserta eKasih Mengenai Tujuan Program

(b) Tujuan Program Pembasmian Kemiskinan Dilaksanakan

✓ Menambah Pendapatan	- 100%
✓ Bantuan Rumah	- 100%
✓ Meningkatkan Pengetahuan Keusahawanan	- 60%
✓ Menampung Pendidikan Anak	- 25%
✓ Meringankan Beban Perubatan/Kesihatan	- 10%

(Sumber : Hasil Analisis, 2014)

(c) Program Bantuan Kemiskinan Yang Diterima

Penyelidik melalui maklum balas menerusi temu bual ke atas 48 peserta eKasih miskin tegar telah pun menyedari bentuk-bentuk bantuan yang bersesuaian daripada kerajaan dengan pemberian inisiatif terhadap mereka yang telah tersenarai dalam data eKasih. Inisiatif tersebut termasuklah sebagaimana maklum balas yang dinyatakan seperti pembinaan dan baik pulih rumah, pemilikan saham ASB-Felcra, pemberian

wang ringgit seperti program bantuan makanan, bantuan kanak-kanak, bantuan orang tua dan persekolahan. Selain itu penyediaan program peningkatan pendapatan seperti azam tani, peruntukan bantuan bina rumah seperti bina baru, bantuan baik pulih, bantuan nelayan seperti enjin, bot dan jaring. Kesemua bantuan fizikal ini akan disalurkan kepada peserta selepas peserta tamat jalani kursus dan latihan kemahiran yang dianjurkan oleh agensi penyedia latihan yang telah dilantik kerajaan.

Disamping bantuan yang disalurkan atas nama KIR, bantuan lain juga akan diberi kepada AIR yang masih produktif serta sihat terutama isteri dan anak-anak lepasan sekolah dengan penyediaan bantuan peralatan perniagaan industri kecil (IKS) seperti peralatan memproses makanan dan kerepek. Bantuan-bantuan fizikal seperti yang telah dinyatakan adalah berdasarkan latarbelakang serta kemahiran yang sedia ada bagi peserta eKasih biasanya mampu dan bersedia berusaha meningkatkan pendapatan sekeluarga dengan adanya usaha bergandingan antara KIR dan AIR.

Jadual 4.9 : Peratus Pecahan Tahap Pengetahuan
Peserta eKasih Mengenai Bantuan Diterima

(c) Program Bantuan Kemiskinan Yang Diterima	
✓ Bina Baru Rumah	- 100%
✓ Baikpulih Rumah	- 100%
✓ Kursus Asas Keusahawanan	- 100%
✓ Bantuan Pendidikan	- 100%
✓ Bantuan Sara Hidup Bulanan	- 100%
✓ Bantuan Kesihatan	- 100%
✓ Program Peningkatan Pendapatan	- 100%

4.8 ANALISIS *OUTCOME* MAKLUM BALAS PESERTA eKASIH TERHADAP KESESUAIAN PROGRAM BERBANDING KEPERLUAN

Berikut adalah pecahan peratusan maklum balas 48 responden peserta eKasih terhadap kesesuaian program berbanding keperluan:

(a) **Kesesuaian Bantuan Dengan Keperluan**

Penyaluran bantuan fizikal meningkatkan pendapatan yang merupakan penentu pilihan bantuan terbaik kepada peserta. Penyelidik melihat peserta dapat memanfaatkan kursus kemahiran serta bantuan yang telah disalurkan bagi peningkatan pendapatan. Penentuan kepada kesesuaian bantuan berbanding keperluan dengan melihat kejayaan peserta keluar dari garis kemiskinan. Kesesuaian ini juga melihat perubahan pendapatan peserta dalam tempoh yang tertentu. Permohonan daripada peserta sendiri bagi peruntukan projek/bantuan tambahan dilihat sebagai penanda aras kepada kesungguhan kemahuan peserta.

60 peratus peserta menganggap bantuan yang mereka terima menepati keperluan yang dikehendaki. Sementara 25 peratus peserta merasakan kerajaan perlu meningkatkan bantuan sedia ada seperti menambah peralatan perniagaan supaya perusahaan dapat diperkembangkan. Manakala 15 peratus menunjukkan peserta mengalami masalah penggunaan bantuan diberi, iaitu masing-masing 10 peratus dengan berkata tidak menepati kehendak dan 5 peratus lagi menukar fikiran kepada kata 'tidak' pada bantuan yang telah disalurkan.

Jadual 5.0 : Peratus Pecahan Tahap Pengetahuan
Peserta eKasih Mengenai Kesesuaian Bantuan

(a) Kesesuaian Bantuan Dengan Keperluan

✓Menepati Kehendak	- 60%
✓Tidak Menepati Kehendak	- 10%
✓Mula-mula 'ya', Kemudian 'tidak'	- 5%
✓Bantuan Tambahan Diperlukan	- 25%

(b) Sebab-Sebab Kenapa Bantuan Tidak Sesuai Dengan Keperluan

Maklum balas temu bual dengan peserta eKasih menunjukkan 60 peratus daripada mereka menyatakan tidak mempunyai kemahiran untuk memasarkan produk yang telah dihasilkan atas alasan kekurangan modal. Penerima bantuan seramai 30 peratus mencadangkan diadakan kursus kemahiran keusahawanan. Selain itu 5 peratus penerima bekalan membangkitkan isu kekurangan kuasa bekalan elektrik telah menyebabkan bantuan tidak dapat dimanfaatkan. Masalah kesihatan yang dialami oleh 5 peratus penerima bantuan menyebabkan mereka langsung gagal menjalankan projek yang telah diterima.

Jadual 5.1 : Peratus Pecahan Pandangan Peserta eKasih
Mengenai Sebab-Sebab Bantuan Tidak Sesuai

(b) Sebab-sebab Kenapa Bantuan Tidak Sesuai Dengan Keperluan	
✓Tiada Kemahiran Usahawan	- 30%
✓Tiada Kemahiran Pemasaran	- 60%
✓Kuasa Bekalan Elektrik Tidak Dapat Menampung Barangan (single phase kepada triple phase)–	5%
✓Sakit Kronik Secara Tiba-Tiba	- 5%

(c) Pandangan Peserta Samada Program Berjaya Mengeluarkan Mereka Dari Kemiskinan

Pandangan peserta yang terdiri daripada KIR tunggal, 70 peratus daripadanya amat memerlukan daya usaha sendiri yang bersungguh-sungguh bagi memastikan kehidupan berkeluarga perlu diteruskan selagi upaya. Manakala 15 peratus yang mempunyai suami dan isteri menyatakan bahawa mereka saling memerlukan bersama dalam usaha mengubah kehidupan keluarga kerana majoriti daripada mereka mempunyai bilangan AIR yang ramai. Pandangan mereka yang meliputi 15 peratus daripada penerima bantuan pula mahu diberi peluang menyertai latihan kemahiran sebagai syarat untuk keluar dari garis kemiskinan.

Jadual 5.2 : Peratus Pecahan Pandangan Peserta eKasih
Mengenai Kejayaan Keluar Daripada Garis Kemiskinan

(c) Pandangan Peserta Samada Program Berjaya Mengeluarkan Mereka Dari Kemiskinan	
✓KIR Berusaha Bersungguh-sungguh	- 70%
✓Suami & Isteri Berusaha Bersungguh-sungguh	- 15%
✓Diberi Latihan Kemahiran	- 15%

4.9 ANALISIS *OUTCOME* TERHADAP PERUBAHAN SOSIO EKONOMI SETELAH MENYERTAI PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN

Pemerhatian secara langsung penyelidik di mesyuarat penyelarasan *focus group* pembasmian kemiskinan daerah Kota Tinggi telah menganalisis *outcome* berbanding impak naik taraf perubahan sosio ekonomi peserta eKasih setelah menyertai program pembasmian kemiskinan seperti di Jadual 5.3. Dapat juga diperhatikan Jadual 5.4 Pendapatan Garis Kemiskinan (GPK) bagi tahun 2014 yang menentukan status naik taraf peserta eKasih seperti dalam Jadual 5.5. Dapat penyelidik menemui 59 peserta eKasih telah berubah status naik taraf melepasi daripada kategori miskin tegar ke kategori miskin pada nilai PGK RM130 miskin luar bandar.

Jadual 5.3: Analisis *Outcome* Berbanding Impak Naik Taraf Peserta eKasih

<i>INPUT</i>	<i>OUTCOME</i>	<i>IMPAK</i>
Program Pembasmian Kemiskinan	1. Peningkatan Pendapatan keluarga. 2. Pengurangan bilangan golongan miskin tegar. 3. Peningkatan bilangan isi rumah mendapat latihan kemahiran. 4. Peningkatan bilangan KIR mendapat bantuan rumah.	1. Pembasmian kemiskinan dan peningkatan kualiti hidup. 2. Tahap sifar peratus kadar miskin tegar. 3. Peningkatan bilangan isi rumah berkerjaya. 4. Taraf hidup keluarga lebih selesa

(Sumber : Petikan Minit Mesyuarat Penyelarasan Focus Group Bulanan Daerah 2014)

Jadual 5.4 : Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Bagi Tahun 2014

PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) 2014 (RM BULANAN)				
WILAYAH	Miskin		Miskin Tegar	
	Isi Rumah	Per Kapita	Isi Rumah	Per Kapita
SEMENANJUNG MALAYSIA	930	230	580	140
Bandar	940	240	580	140
Luar Bandar	870	200	580	130
SABAH & LABUAN	1,170	250	710	150
Bandar	1,160	260	690	150
Luar Bandar	1,180	250	760	160
SARAWAK	990	240	660	160
Bandar	1,040	250	700	160
Luar Bandar	920	240	610	150

(Sumber : Unit Penyelarasan Pelaksanaan, 2014)

Jadual 5.5 : Laporan Naik Taraf Peserta eKasih Sept-Okt 2014

BIL	NAMA	KATEGORI MISKIN	NAIK TARAF KATEGORI MISKIN	PENDAPATAN PER KAPITA TERKINI
1	Ali bin Man Isi rumah : 5	Miskin Tegar	Miskin Pendapatan KIR (Nelayan) : RM400 Bantuan KWAMP : RM400	160.00
2	Md Dom bin Md Yusof Isi rumah : 8	Miskin Tegar	Terkeluar Pendapatan KIR (Pengawal Keselamatan): RM650 Bantuan JKM : RM400 Bantuan Sara Hidup : RM300 Pendapatan Isteri : RM750	262.50
3	Nazri bin Salleh Isi rumah : 6	Miskin Tegar	Miskin Pendapatan KIR (Nelayan) : RM600 Bantuan Sara Hidup : RM200	133.33
4	Muhamad bin Atan Isi rumah : 5	Miskin Tegar	Miskin Pendapatan KIR (Daun Otak-Otak) : RM600 Bantuan MAIJ : Bot & Enjin Pemberian Anak : RM100	140.00
5	Wan Paizudin bin Wan Kasnawi Isi rumah : 6	Miskin Tegar	Miskin Pendapatan KIR (Nelayan) Bantuan MAIJ : RM250 Bantuan KWAMP : RM400	180.56
6	Azhar bin Omar Isi rumah : 6	Miskin Tegar	Miskin Pendapatan KIR (Kerja Pendawaian) : RM600 Bantuan KWAMP : RM200	154.17
7	Azhar bin Haron Isi rumah : 7	Miskin Tegar	Miskin Pendapatan KIR : RM500 – pemberian ibu Bantuan JKM (oku) : RM300 Isteri : RM600 – menjaga anak orang	200.00

8	Sarah binti Karimin Isi rumah : 4	Miskin Tegar	Miskin Pendapatan KIR : RM500 – pembantu kedai makan Bantuan JKM : RM100 Pemberian anak : RM150 IAzam : RM75	206.25
---	--------------------------------------	--------------	---	--------

(Sumber : Petikan Minit Mesyuarat Penyelarasan Focus Group Bulanan Daerah 2014)

4.10 ANALISIS *OUTCOME* TERHADAP FAKTOR PENYOKONG PENGURUSAN BASMI KEMISKINAN

Sistem pengurusan eKasih memiliki tahap kemahiran pengurusan kerja yang tinggi akan menjadikannya memenuhi ciri-ciri yang diperlukan. Penglibatan pegawai pengurusan eKasih dalam membuat keputusan merupakan fokus utama pelaksanaan program pembangunan sahsiah diri berserta program peningkatan pendapatan kepada golongan sasar iaitu peserta yang dikategori sebagai miskin. Tanggungjawab pegawai pengurusan eKasih dalam proses membuat keputusan mampu memastikan program pembangunan yang dilaksanakan dapat memenuhi keperluan dan menepati kehendak peserta eKasih. Tidak secara langsung usaha ini mampu membantu meningkatkan tahap penyertaan dan komitmen peserta dalam menjayakan pelaksanaan aktiviti program pembangunan tersebut.

Peranan ketua khususnya bagi KIR peserta eKasih sangat penting dalam usaha memperkukuh dan membina keharmonian institusi keluarga melalui sokongan fizikal dan emosi terhadap AIR. Pengurusan eKasih daerah Kota Tinggi pendapat majoriti daripada peserta eKasih adalah dari golongan yang bukan sahaja miskin sara hidup tetapi juga miskin dari segi modal insannya.

Walaupun kadar peratusan kemiskinan di daerah Kota Tinggi telah berjaya dikurangkan namun kewujudan golongan miskin tegar wajar diberi perhatian.

Program pembasmian kemiskinan adalah merupakan usaha berterusan pihak kerajaan bagi membantu golongan ini di mana pegawai serta ahli jawatankuasa pengurusan eKasih daerah merupakan individu terpenting untuk membawa perubahan tersebut.

Berikut adalah analisis penyelidik berkaitan persoalan apakah *outcome* faktor-faktor penyokong pengurusan pembasmian kemiskinan daerah Kota Tinggi berdasarkan temu bual bersama 49 pegawai pengurusan eKasih :

(a) Pengurusan eKasih daerah Kota Tinggi berkuatkuasa pada 2008

Pihak ICU, JPM telah membangun sistem pangkalan data eKasih yang kemudiannya diselaraskan di Pejabat Daerah Kota Tinggi sebagai urusetia peringkat daerah. *(Sumber : Temu bual bersama En Mohd Khaidir Ismail, Penghulu Mukim Pantai Timur, 2014)*

(b) Pengurusan bersepadu antara agensi awam

Agensi-agensi awam telah diberi mandat untuk sama-sama mengatur dan menyalur program agensi berkenaan yang dimuktamadkan dalam mesyuarat jawatankuasa pengurusan eKasih peringkat daerah Kota Tinggi. *(Sumber : Temu bual bersama En Zainuddin Zainal Abidin, Penghulu Mukim Kota Tinggi, 2014)*

(c) Berpusat di Pejabat Daerah Kota Tinggi

Pengurusan eKasih dan segala program berpusat dengan penyelarasan dibuat oleh PDKT. *(Sumber : Temu bual bersama En Zainuddin Zainal Abidin, Penghulu Mukim Kota Tinggi, 2014)*

(d) Sistem komunikasi yang efisien

Penyampaian maklumat secara berterusan daripada Pejabat Pembangunan Negeri Johor selaku pihak pengurusan eKasih negeri Johor kepada agensi-agensi yang diperbertanggungjawabkan menggunakan pelbagai kaedah alat komunikasi sedia ada yang diselaraskan di pihak urusetia pejabat daerah. Aplikasi 'whatsApp' dengan nama Fokus Group Daerah Kota Tinggi juga telah diguna untuk penyampaian maklumat terkini yang boleh dikendali oleh semua pihak yang berkepentingan di daerah Kota Tinggi. *(Sumber : Temu bual bersama En Mohd Fadzlan Mohd Zin, Penghulu Mukim Sedili Kecil, 2014)*

(e) Pemantauan berterusan oleh pihak pengurusan eKasih negeri Johor dan ICU JPM

Pihak pengurusan eKasih negeri Johor dan ICU JPM sering kali mengeluarkan notis-notis pemberitahuan bagi menjalankan inisiatif-inisiatif tambahan kerajaan yang perlu dilaksanakan sama ada untuk jangka pendek atau jangka panjang. Contoh inisiatif jangka pendek ialah bantuan persekolahan kepada anak yang kematian bapa akibat kemalangan oleh YPEIM dan inisiatif jangka panjang pula pembukaan penempatan perumahan baru khususnya kepada peserta eKasih oleh KEJORA.

(Sumber : Temu bual bersama En Wan Ismail Wan Ngah, Penghulu Kanan Daerah Kota Tinggi, 2014)

(f) Terdapat bantuan CSR oleh agensi swasta

Pemberian bantuan CSR oleh agensi swasta seperti SAJ (rebet air), ASTRO (siaran TV percuma), Pasaraya KIP Mart (barangan keperluan harian) dan kursus kemahiran patri 'oil & gas' secara percuma oleh Petronas di IKBN adalah di antara sokongan agensi lain dalam usaha pembasmian kemiskinan daerah Kota Tinggi. *(Sumber : Temu bual bersama En Shahrin Dato' Rahmat, Penolong Pegawai Daerah Kota Tinggi, 2014)*

(g) Kesediaan peserta eKasih mengikuti kursus motivasi dan kemahiran

Ada sebilangan peserta yang telah menerima inisiatif khususnya bagi program PPP sentiasa bersedia mematuhi syarat untuk mengikuti program tambahan berupa kursus motivasi serta kursus peningkatan kemahiran perniagaan. *(Sumber : Temu bual bersama En Mohd Nazri Kasmen, Penghulu Mukim Ulu Sungai Johor, 2014)*

(h) Kerjasama masyarakat setempat melapor kes-kes kemiskinan

Pemimpin-pemimpin masyarakat seperti ketua kampung, pemimpin politik, dan imam sentiasa memberikan maklum balas kepada urusetia mengenai kejadian-kejadian kemiskinan terbaru umpamanya kejadian kebakaran rumah, kemalangan jiwa sesebuah keluarga atau kehilangan pendapatan yang menjurus ke arah kemiskinan tidak dijangka.

(Sumber : Temu bual bersama En Mohd Aidil Masih, Penghulu Mukim Sedili Besar, 2014)

4.11 ANALISIS *OUTCOME* TERHADAP FAKTOR PENGHALANG PENGURUSAN BASMI KEMISKINAN

Penghalang utama kepada tercapainya matlamat basmi kemiskinan daerah Kota Tinggi dikenal pasti hadir daripada sikap individu golongan miskin itu sendiri terutama daripada pihak KIR. Sikap dan pemikiran mereka yang sudah terbiasa dengan keselesaan dengan segala bantuan yang diterima daripada kerajaan yang dikecapi selama ini menyebabkan mereka tidak mahu berubah. Ada di antara penerima bantuan ini dikesan tidak mempunyai kesedaran untuk mengubah diri selain daripada terus mengharap bantuan. Sikap mereka perlulah di atasi supaya gaya hidup yang bergantung sepenuhnya sebagai nelayan dapat diubah. Namun pada masa yang sama dapatan penyelidikan yang turut hadir dalam mesyuarat jawatankuasa *focus group* daerah melalui maklum balas daripada agensi-agensi pemberi bantuan ada menyatakan bahawa peserta dikesan seolah-olah tiada berusaha umpamanya apabila lawatan mengejut pihak pengurusan eKasih secara bersepadu ke rumah, mereka didapati masih tidur, ada yang dikesan sedang minum di kedai-kedai sambil merokok.

Bagi peserta yang telah menerima bantuan peningkatan pendapatan, laporan agensi pemberi bantuan diberi dalam mesyuarat yang menyebut ada program-program peningkatan pendapatan ini gagal dimanfaatkan peserta. Dengan kata lain ada diantara mereka didapati tidak ada menjalankan apa-apa pekerjaan menyara keluarga sedangkan pada masa yang sama status mereka masih dalam kategori miskin. Perkara seperti ini menjadikan pihak pengurusan eKasih menemui jalan buntu tentang bagaimana lagi bentuk bantuan yang hendak disalurkan apabila masalah kegagalan program tidak pernah dikenal pasti dan tiada langkah-langkah pemulihan segera diambil atau tindakan pro-aktif

diambil sebelum sesuatu bantuan disalurkan yang akhirnya menunjukkan kegagalan hingga menunjukkan isu yang dibangkitkan pihak pengurusan eKasih Daerah Kota Tinggi masih gagal mencari punca kegagalan pembasmian secara total. Mereka seperti mahu terus-terusan diberikan bantuan walhal mereka mampu berusaha secara berdikari.

Melalui temu bual bersama 49 pegawai pengurusan, berikut adalah analisis persoalan apakah *outcome* faktor-faktor penghalang pengurusan pembasmian kemiskinan :

(a) Urusetia kurang jelas tugas yang diterima

Arahan tugas yang menjadi tanggungjawab adakalanya gagal disampaikan kepada ahli jawatankuasa pengurusan eKasih daerah menyebabkan pelaksanaan serta pemantauan program agensi pemberi bantuan tidak memenuhi kriteria peserta. Umpamanya peruntukan bantuan agensi mensyaratkan untuk barangan asas tani sedangkan urusetia menyenaraikan peserta untuk bantuan menangkap ikan. (Sumber : Temu bual bersama Pn Faridah Rahmat, Ketua Pembantu Tadbir PDKT, 2014)

(b) Pertindihan bantuan antara agensi

Ada ketikanya apabila satu-satu projek telah diluluskan terdapatnya dua agensi dari kementerian berbeza memberi kelulusan atas tajuk projek yang sama. Umpamanya projek bina baru rumah antara KKLW dan MAIJ. Pihak urusetia terpaksa membuat penyelarasan apabila didapati projek bina baru sebuah rumah peserta yang telah uzur dan perlu disegerakan telah mendapat kelulusan oleh agensi terbabit dalam tempoh

kelulusan yang berbeza. (Sumber : Temu bual bersama Pn Nurani Mohd Ali, Pembantu Tadbir PDKT, 2014)

(c) Sistem pangkalan data tidak selari dengan data daerah

Pengemaskinian data kemiskinan biasanya tidak sama antara data yang dikeluarkan oleh pihak ICU JPM dengan urusetia eKasih daerah Kota Tinggi dalam bulan yang sama. Perkara ini berlaku dalam menentukan peserta perlu daftar dalam kategori mana sama ada, mudah miskin atau miskin atau miskin tegar atau terkeluar. (Sumber : Temu bual bersama En Wan Ismail Wan Ngah, Penghulu Kanan Daerah Kota Tinggi, 2014)

(d) Arahan tugas secara serta merta menurunkan motivasi petugas urusetia

Beban tugas yang sedia ada ditambah dengan arahan-arahan daripada penyelia setelah menerima notis pemberitahuan pihak atasan (ICU JPM dan eKasih negeri Johor) yang perlu tindakan segera sedikit sebanyak menimbulkan konflik bagi menentukan keutamaan tugas. (Sumber : Temu bual bersama Cik Noraishah Aziz, Pembantu Tadbir PDKT, 2014)

(e) Tiada mekanisma menentukan pendapatan

Sangat sukar bagi pembanci membuat keputusan atas semakan permohonan mengenai jumlah pendapatan isi rumah kerana semata-mata berasaskan kedudukan tempat tinggal dan keadaan isi rumah. Keputusan siasatan dengan membuat andaian kepada kategori pendapatan miskin yang paling hampir. Ada peserta dilihat seolah-olah menyembunyikan sesuatu

tentang pemilikan harta. (Sumber : Temu bual bersama En Hamin Turin, Pegawai FAMA Daerah Kota Tinggi, 2014)

(f) Sikap peserta setelah menerima bantuan

Ada sebilangan peserta penerima bantuan gagal memanfaatkan bantuan yang telah diberi dengan alasan tiada kemahiran, tidak berminat malah ada yang menyatakan bantuan tersebut telah dicuri. (Sumber : Temu bual bersama En Zairul Adilla Mohd Zani, Penolong Pegawai Daerah, 2014)

(g) KIR yang tidak produktif dan uzur

Terdapat peserta yang berusia emas tinggal sebatang kara serta uzur. Situasi begini menyukarkan pemberian sebarang bentuk bantuan. Peserta ini juga keberatan untuk ditempatkan di rumah orang tua kelolaan JKM kerana lebih selesa tinggal di tanah sendiri. (Sumber : Temu bual bersama En Mohd Hafiz Aliman, Ketua Penolong Pegawai Daerah Kota Tinggi, 2014)

(h) Tiada makluman bantuan NGO kepada urusetia

Pihak-pihak yang prihatin ini telah menghulurkan pelbagai bantuan kepada peserta eKasih umpamanya program baik pulih rumah yang mengakibatkan permohonan bertindih dengan pengurusan eKasih daerah. Pertindihan permohonan memaksa pihak urusetia terpaksa mengubah tajuk (pindaan nama lain) kepada agensi pemberi bantuan yang

bertanggungjawab. (Sumber : Temu bual bersama En Ezrangee Ma'on, Pengurus Besar FELDA, 2014)

4.12 ANALISIS KPI PENGURUSAN BASMI KEMISKINAN

Berdasarkan pemerhatian dan semakan dokumen berkaitan, berikut adalah analisis dapatan berkenaan dengan pencapaian KPI bagi pengurusan basmi kemiskinan daerah Kota Tinggi :

(a) Kawalan Pengurusan Pembuat Dasar

Objektif pembasmian kemiskinan juga merupa isu nasional memungkinkan pemantauan lebih serius daripada pihak pembuat dasar bagi memastikan usaha ini mencapai matlamatnya. (Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, 2014)

(b) Pembabitian Pelbagai Pihak

Tanpa menidakkan penglibatan pihak-pihak yang ingin membantu secara tidak langsung telah membuktikan komitmen kerajaan menangani isu kemiskinan ini. (Pejabat Pembangunan Negeri Johor, 2014)

(c) Urusetia Sebagai Pemberi Maklumat

Urusetia yang dipusatkan di Pejabat Daerah Kota Tinggi menjadi tulang belakang kepada penyampaian maklumat terkini daftar kemiskinan daerah dan juga menjadi rujukan utama agensi-agensi pemberi bantuan andai ada sebarang sumber yang telah disediakan oleh kerajaan

persekutuan mahu pun kerajaan negeri. (*Pejabat Pembangunan Negeri Johor, 2014*)

(d) Sokongan Pihak Berkepentingan

Pemimpin akar umbi yang sentiasa peka kepada suatu keadaan sosio ekonomi masyarakat setempat memberi impak positif kepada usaha pembasmian kemiskinan dapat di atasi secara berkesan. (*Pemerhatian penyelidik sebagai AJK dalam Mesyuarat Penyelarasan Focus Group Daerah, 2014*)

(e) Agihan Tugas Urusetia Diikuti Latihan Kerja

Cara kerja yang bersistematik mampu melicinkan pelaksanaan agihan tugas urusetia lengkap dengan penggunaan teknologi perisian komputer setelah menjalani latihan yang khusus. (*Sumber :Pemerhatian penyelidik sebagai AJK dalam Mesyuarat Penyelarasan Focus Group Daerah, 2014*)

(f) Mengemaskini Maklumat Mengikut Data Daerah

Pengurusan eKasih daerah hendaklah diberi peluang untuk menganalisis kedudukan peserta eKasih terlebih dahulu sebelum dimuktamadkan oleh pihak ICU JPM. Sebagai contoh, meletakkan peserta kepada kategori ‘terkeluar’ oleh ICU JPM hanya semata-mata peserta ada menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BRIM) hendaklah semak semula. Begitu juga halnya antara perkiraan pendapatan sebulan berbanding dengan pendapatan per kapita. Dalam keadaan begini analisis data eKasih

daerah adalah lebih tepat untuk diguna pakai. (Sumber :Pemerhatian penyelidik sebagai AJK dalam Mesyuarat Penyelarasan Focus Group Daerah, 2014)

(g) Penglibatan Urusetia Semasa Kursus Peserta eKasih

Program kursus serta latihan yang mengambil masa sekurang-kurangnya 3 hari 2 malam yang turut diiringi petugas urusetia akan membina semula motivasi petugas secara tidak langsung dengan konsep ‘belajar sambil bercuti’. (Sumber :Pemerhatian penyelidik sebagai AJK dalam Mesyuarat Penyelarasan Focus Group Daerah, 2014)

(h) Menggunapakai Garis Panduan ICU, JPM

Adalah amat wajar sekiranya penyelarasan di peringkat pengurusan eKasih daerah Kota Tinggi dengan diberi kuasa autonomi dalam menentukan kedudukan kategori miskin peserta apabila membabitkan situasi sebenar tanpa melangkaui garis panduan ICU JPM untuk tidak meletakkan peserta di kategori ‘terkeluar’. (Pemerhatian penyelidik sebagai AJK dalam Mesyuarat Penyelarasan Focus Group Daerah, 2014)

(i) Penglibatan Agensi Secara Bersepadu

Agensi-agensi pemberi bantuan dengan diketuai oleh urusetia perlu lebih kerap menggerakkan proses menilai peserta eKasih secara berterusan dengan pemberian bantuan secara serta merta dan perlu diselesaikan dalam tempoh 30 hari. (Pemerhatian penyelidik selaku anggota kerja di Pejabat Daerah Kota Tinggi, 2014)

(j) Peranan Ketua Kampung

Ketua kampung wajar mengambil tindakan proaktif tanpa menunggu siasatan urusetia dengan memberi bantuan segera kepada mangsa-mangsa keadaan yang menyebabkan mereka ditimpa kemiskinan tanpa diduga sebelum dimaklumkan kepada pihak urusetia. *(Sumber :Pejabat Pembangunan Negeri Johor, 2014)*

(k) Sistem Pengurusan eKasih Mengikut SOP

Sistem pengurusan eKasih daerah akan terus diikat dengan pematuhan kepada SOP yang telah gariskan oleh ICU JPM bermula daripada panduan proses pendaftaran peserta membawa kepada panduan agihan penyaluran bantuan kepada ketua isi rumah (KIR) dan anggota isi rumah (AIR) secara keseluruhannya. *(Pemerhatian penyelidik selaku anggota kerja di Pejabat Daerah Kota Tinggi)*

(l) Maklum Balas Pembuat Dasar Kepada NGO

Pihak pengurusan eKasih negeri Johor dan pengurusan eKasih daerah Kota Tinggi mempunyai kuasa untuk menyampaikan notis pemberitahuan kepada NGO yang mempunyai berminat untuk membantu asalkan usaha ini tidak disalah guna untuk kepentingan NGO terbabit. *(Pemerhatian penyelidik sebagai AJK dalam Mesyuarat Penyelarasan Focus Group Daerah, 2014)*

BAB 5

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 PERBINCANGAN

Bagi menjawab objektif kajian, bab 5 ini akan membincangkan usaha-usaha semua pihak yang bertanggungjawab berkaitan pengurusan eKasih bagi penyaluran program bantuan dengan memberi tumpuan kepada pembasmian kemiskinan khususnya golongan miskin tegar melalui perbincangan analisis hingga kepada maklum balas kaedah temu bual antara penyelidik dengan pegawai pengurusan dan peserta eKasih.

Pernyataan Bab 2 mengenai (a) siapa orang miskin tersebut, (b) mengapa mereka miskin dan (c) persoalan apa yang boleh dilakukan untuk *survival* mereka adalah digambarkan melalui penyusunan strategi pembasmian kemiskinan yang melihat kepada penyusunan mekanisma pengurusan eKasih kearah lebih realistik dan berkualiti adalah terjawab dalam bab 4.

Penyelidik melalui analisis kajian dalam bab 4 menyatakan bahawa strategi pembasmian kemiskinan pengurusan eKasih daerah Kota Tinggi adalah bertindakbalas dengan perubahan keadaan taraf sosio ekonomi peserta. Umpamanya, peluang penyediaan latihan kemahiran golongan terbabit adalah dengan mengenal pasti peruntukkan kursus-kursus kemahiran berdasarkan keperluan buruh semasa, umur serta latarbelakang sosioekonomi. Usaha yang berterusan pengurusan dalam meningkatkan kemahiran peserta sebagaimana yang telah dinyatakan seharusnya meningkatkan kemahiran melalui ketepatan agihan kursus kepada seluruh isi rumah termasuk isteri, anak-anak dan orang tua.

Berdasarkan kepada penilaian faktor-faktor penyokong dan faktor-faktor penghalang pembasmian kemiskinan, dapatlah dinyatakan bahawa pelaksanaanpelbagai mekanisma pengurusan eKasih Daerah Kota Tinggi adalah bertujuan untuk memastikan bantuan disalurkan sebaik yang mungkin dengan harapan dapat meningkatkan taraf hidup golongan sasar selaras dengan hasrat kerajaan menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Mekanisma-mekanisma pengurusan merujuk kepada analisis keberkesanan usaha basmi kemiskinan yang akan menimbulkan kesedaran kepada pegawai pengurusanbahawa kemiskinan secara realitinya akan mewujudkan masalah sosial jika tidak dibendung dan akan merugikan kerajaan dari segi kos penyelenggaraan pembangunan modal insan dan pembangunan infarstruktur.

Inisiatif-inisiatif penambahbaik pembasmian kemiskinan adalah langkah berbentuk transformasi pengurusan eKasih daerah Kota Tinggi yang dilihat selari dengan Program Transformasi Kerajaan 2010-2012.

5.2 CADANGAN

Huraian daripada kajian analisis kajian yang berkaitan aspek-aspek pembasmian kemiskinan eKasih daerah Kota Tinggi dapat merumuskan cadangan-cadangan berikut, sesuai untuk golongan sasar sebagai panduan terhadap usaha berterusan pihak pengurusan ke arah pencapaian matlamat pembasmian kemiskinan daerah Kota Tinggi :

5.2.1 Perubahan Urus Tadbir Urusetia

(i) Setiap pegawai bertanggungjawab bahagian Urusetia harus berperanan secara pro-aktif dengan melihat golongan sasar ini diberikan hak sebaik nama mereka didaftarkan sebagai peserta eKasih sama ada dikategorikan KIR atau AIR. Umpamanya, sistem pengurusan fail setiap keluarga perlu ada dan diperkemas. Pengurusan sistem fail ini perlu dipertanggungjawab kepada seorang Pembantu Tadbir (PT) yang menjaga Fail Peserta eKasih. PT ini merupakan pusat penerima maklumat daripada PT yang lain dan Agensi-Agensi Pelaksana dalam pelaksanaan kemaskini data peserta eKasih Daerah serta hendaklah dilakukan dengan sempurna di setiap sukuan tahun.

(ii) Justeru itu, seorang penyelia yang bertanggungjawab perlu memantau jadual aktiviti yang dinamakan '*Gantt Chart*' secara tahunan yang disediakan dan dipatuhi. Pihak urusetia akan memberi fokus kepada maklumat setiap KIR dan AIR, baru diikuti jenis bantuan yang hendak disalurkan.

(iii) Pembangunan sistem '*intranet*' eKasih Pejabat Daerah Kota Tinggi oleh unit ICT sangat membantu supaya penyaluran maklumat dapat disampaikan dengan pantas dan berkesan antara PT urusetia eKasih.

(iv) Perubahan urus tadbir lain ialah dengan mewujudkan satu sistem atau penambahkan sistem yang sedia ada bagi kemudahan pendaftaran peserta secara *online* di peringkat ICU JPM dan membolehkan pemohon mengakses sistem tanpa menggunakan borang dengan lebih cepat dan tepat. Pihak pengurusan melalui kerjasama ICU JPM hendaklah

mewujudkan satu sistem atau penambaiakan sistem sedia ada bagi memudahkan pendaftaran eKasih. Contohnya pendaftaran *online* dan kebolehan di akses oleh pemohon tanpa menggunakan borang.

(v) Pengurusan eKasih daerah juga perlu ada inisiatif dengan mewujudkan ‘hari bantuan pelanggan’ oleh unit berkaitan di setiap kampung untuk menyalur infomasi dan bantuan dengan pemantauan ketua kampung.

5.2.2 Penyelarasan Antara Agensi

Pihak urusetia dilihat gagal mengemaskini data eKasih terutama berkaitan dengan penyaluran bantuan oleh agensi pelaksana sama ada tidak atau lewat diterima laporan. Disamping itu pelaksanaan inisiatif yang disediakan oleh pihak pelaksana sering wujud isu bantuan bertindih, bantuan berulang atau bantuan yang tidak mengikut speksifikasi yang wajar.

Perkara ini hendaklah diperbaiki dan diperkemas sebelum sesuatu pakej inisiatif hendak diberi dan diperhalusi sama ada dalam mesyuarat *pra focus group*, mesyuarat *focus group* dan permakluman melalui surat dan telefon antara pegawai bertanggungjawab bahagian urusetia kepada agensi-agensi pemberi bantuan.

5.2.3 Pengembangan Taraf Hidup

Bagi setiap keluarga miskin, hendaklah dinilai taraf hidup mereka dalam tempoh tertentu, umpamanya 5 tahun pertama, 3 tahun kedua dan 2 tahun ketiga. Ini bermakna mereka menjalani 3 fasa penilaian di mana

tahun ke 10 mereka dijangka terkeluar dari taraf kemiskinan disebabkan anak-anak yang telah bekerja dan mampu menyara keluarga. Bagi keluarga yang 'berstatus terkeluar' pula, pihak pengurusan eKasih Daerah boleh mencadangkan nama mereka kepada agensi-agensi peminjam secara kredit agar mereka terus diberi peluang berusaha mengembangkan perusahaan kecil-kecilan kepada skala yang lebih besar atas usaha sendiri. Permohonan bantuan dalam aspek pengembangan taraf hidup secara terus ini juga dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran peserta melalui kursus kepada seluruh isi rumah dengan berdasarkan umur dan latarbelakang untuk peningkatan kemahiran termasuk isteri, anak-anak dan orang tua.

5.2.4 Penilaian Impak Kos Bantuan

Kos bantuan yang telah disalurkan juga perlu dijumlahkan dan seterusnya dinilai impak positif kepada penerima manfaat. Umpamanya bagi PPP, pemantauan berkala hendaklah dilakukan supaya bantuan *one-off* RM10,000 bagi setiap peserta yang dilakukan secara individu atau berkelompok itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Agensi pemberi bantuan harus menetapkan penanda aras keberkesanan bantuan dengan meletakkan syarat percubaan tiga bulan sebaik bantuan diterima dan dilaporkan kepada urusetia untuk tindakan lanjut bagi menentu taraf peserta hingga terkeluar dari garis kemiskinan yang telah ditetapkan.

5.2.5 Mendekati Peserta Secara Terus

(i) Adalah menjadi tanggungjawab pengurusan eKasih daerah Kota Tinggi untuk menghurai masalah kemiskinan setelah mengenal pasti

keadaan sosio ekonomi serta latarbelakang semua peserta KIR dan AIR. Antara pendekatan awal yang bersesuaian ialah dengan memberi latihan motivasi dan tunjuk ajar secara berdisiplin semasa menganjurkan kursus-kursus kemahiran. Mereka diwajibkan menjalani latihan kemahiran fizikal dan mental sehingga mereka mampu berdikari.

(ii) Selain daripada itu pihak pengurusan eKasih disarankan melancarkan satu program dikalangan peserta hingga wujud sikap ingin membantu golongan yang senasib mereka untuk berubah. Disamping itu penglibatan pemimpin-pemimpin masyarakat khususnya ketua kampung yang memikul amanah berkhidmat kepada penduduk hendaklah bersikap telus dan adil dalam pengagihkan bantuan kepada golongan sasaran ini agar dilihat lebih sempurna dan matlamat basmi kemiskinan khususnya miskin tegar kerajaan akan menjadi kenyataan.

(iii) Sementara itu penyelidik melihat peserta eKasih amat memerlukan bantuan awal daripada agensi kerajaan mahupun swasta yang sudi membantu mereka mengatasi masalah kemiskinan keluarga. Sudah menjadi dasar kerajaan yang mahu membantu golongan eKasih dalam menentukan ciri-ciri penyaluran bantuan sama ada berbentuk kewangan atau peralatan dengan diiringi latihan asas kemahiran serta dengan seminar pembangunan modal insan terhadap semua peserta eKasih yang dipilih.

5.2.6 Memantau Bantuan

(i) Setelah para peserta eKasih menerima bantuan yang diinginkan strategi berikutnya ialah pemantauan berterusan pengurusan bagi melihat

hasil daripada program terdahulu dan belajar dari pengalaman mengendali bantuan yang disalurkan dengan bersemuka dengan subjek kes dan jalankan sesi temu duga dengan subjek seterusnya dibuat siasatan ke atas individu berkenaan. Maklum balas dengan kaedah temu bual juga digunakan untuk menentukan keperluan bantuan tambahan yang dikehendaki golongan sasar bagi memastikan peningkatan dari segi pendapatan semasa.

(ii) Melalui strategi ini peserta akan dapat memanfaatkan kursus kemahiran serta bantuan yang telah disalurkan bagi peningkatan pendapatan dan boleh mengembangkan lagi perniagaan seperti memerlukan tempat khas selain daripada dalam kediaman sendiri untuk hasilan produk dan pemasaran pengeluaran.

(iii) Dengan pemantauan berkala bagi memastikan penerima menggunakan bantuan dengan sepenuhnya golongan sasar ini hendaklah dicadangkan kepada pihak pengurusan untuk terus menjalani kursus-kursus peningkatan kemahiran yang baru untuk transformasi mereka.

5.2.7 Mengkaji Tambahan Bantuan

(i) Peningkatan pendapatan peserta dapat dilihat dalam tempoh yang tertentu dengan pemantauan berkala dibuat bagi memastikan penerima menggunakan bantuan dengan sepenuhnya. Keadaan seperti sudah pasti mampu mengeluarkan peserta dari kelompok kemiskinan serta mampu meneruskan kehidupan tanpa bantuan dari mana-mana pihak terutama dari pihak kerajaan.

(ii) Selain itu hendaklah diwujudkan pusat urusan khas kendalikan kes-kes peserta eKasih dengan wujudnya pasukan pemikir (*think-tank*) untuk penyelesaian isu kemiskinan berbangkit dengan penyelesaian dalam tempoh yang singkat dan dalam keadaan tidak tergesa-gesa. Kewujudkan pusat-pusat urusan khas eKasih seperti ini disetiap kampung dengan kendalian pemimpin masyarakat seperti ketua kampung akan mampu menyelesaikan isu berkaitan peserta eKasih dalam tempoh yang berpatutan.

5.3 KESIMPULAN

Sebagai tindakan jangka panjang, pembentukan Program Transformasi Kerajaan 2010-2012 diharapkan dapat mencapai matlamat pengurusan eKasih dalam rangka pembasmian kemiskinan dari segi persepsi dan peningkatan pendapatan keluarga. Pelaksanaan pelbagai program ini mampu menaik taraf hidup golongan miskin tegar kepada kategori miskin. Ianya adalah berkaitan dengan penyaluran pelbagai program peningkatan pendapatan kepada seluruh AIR yang bersifat produktif. Namun begitu pelaksanaan program yang efektif seharusnya diberi perhatian bagi memastikan peserta menerima manfaat program tersebut semaksimum yang boleh. Justeru itu, sistem pengurusan eKasih yang cekap dengan cara pelaksanaan yang bijaksana dari segala aspek inisiatif akan mampu memberi impak positif kepada pihak kerajaan sebagai pihak ‘pemberi bantuan’ dan golongan miskin sebagai ‘penerima manfaat’. Dapatlah dinyatakan bahawa kecekapan pengurusan eKasih mampu membantu menangani masalah pembasmian kemiskinan selain

pihak pengurusan memastikan pegawai bertugas bekerja dalam suasana persekitaran yang memberangsangkan demi meningkat kesejahteraan hidup rakyat (Daud, 2010). Pada sudut yang berbeza pula penglibatan peserta eKasih menjadi semakin terpengaruh dalam rancangan pembasmian kemiskinan berikutan kepada kegagalan dan kelemahan pendekatan pelaksanaan pengurusan “*top-down*” (Sloman, 2011). Menurut Awortwi (2012), peserta hanya akan mengambil bahagian secara komited dalam pembangunan yang dilaksanakan apabila manfaat yang mereka perolehi melebihi kos yang ditanggung. Disebaliknya pendekatan melalui lawatan yang dinamakan ‘*mobile team*’ dan ‘*flying squad*’ merupakan amalan yang digunapakai oleh urusetia untuk mendekati golongan ini. Oleh yang demikian manfaat yang ditawarkan menerusi inisiatif tambahan projek-projek pembangunan adalah antara elemen penting yang mampu menarik penyertaan peserta eKasih untuk menjayakan program yang dirancang untuk mereka.

RUJUKAN

- Abbas, P.G, (2011). *Poverty in the World*.Economic Research Center. Premier Business Thoughts : The CSUB Business Blog. www.csub.edu/kej
Dilayari pada 1 Jun 2015.
- Adey, N.H. & Bahari, F.H. (2010).Hubungan antara kecerdasan emosi, kepuasan kerja dan komitmen terhadap organisasi.*Jurnal Kemanusiaan*, 16, 62-82.Universiti Teknologi Malaysia.Johor.
- Ali, H. (2012). *Teks ucapan*. Majlis Penutup Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. 4 Oktober 2012. Hotel Impiana Ipoh : Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Arawati, A. (2005). The structural linkages between TQM, product quality performance and bussines performance : Preliminary empirical studies in electronic companies. *Singapore Management Review*. 27(1), 87-105. Singapore.
- Asnarulkhadi, A.S. & Aref, F. (2011). The theoretical and conceptual framework and application of community empowerment and participation in progress of community development in Malaysia. *Journal of American Science*, 7(2), 186-195.
- Awortwi, N. (2012). The riddle of community development : Factors influencing participation and management in twenty-nine African dan Latin Americans communities. *Community Development Journal*.1-16.
- Bank Dunia. (2010). “Overview : Understanding, Measuring And OvercomingPoverty” dalam Poverty & Reduction Equity. Petikan dari kertas kerja Radieah Mohd Nor :*Perbandingan Tentang Konsep Kemiskinan Pendekatan Kovensional dan Islam*.Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV).Universiti Sains Malaysia.Pulau Pinang.

Chimobi, U. (2010). Poverty in Nigeria : Some Dimensions and Contributing Factors. *Global Majority E-Journal, Vol. 1, No. 1, pp. 46-56*. Nigeria.

Cooper, D.R & Schindler, P.S. (2014). *Business Research Methods*. Twelfth Edition. McGraw Hill Education. New York : USA.

Daud, N. (2010). Jaminan kerja dan hubungannya dengan kepuasan kerja dan komitmen terhadap organisasi. *Jurnal Kemanusiaan*. Universiti Teknologi Malaysia. Johor.

Hedayat Allah, N. (2010). *Women empowerment through non-governmental organization's programs in Shiraz, Iran*. PhD Thesis. Universiti Putra Malaysia. Serdang.

Hedayat Allah, N. & Ma'rof, R. (2009). Participation as a medium of empowerment in community development. *European journal of social sciences. 11(1), 170-176*.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2007). *Laporan Penyiasatan Isi Rumah*. Putrajaya.

Jabatan Perdana Menteri. (2007). *Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)*. Unit Perancang Ekonomi. Putrajaya.

Jabatan Perdana Menteri. (2010). *Program Transformasi Kerajaan*. Unit Perancang Ekonomi. Putrajaya.

Jabatan Perdana Menteri. (2011). *Rancangan Malaysia Kesepuluh*. Unit Perancang Ekonomi, Putrajaya.

Jabatan Perdana Menteri. (2012). *Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian Outcome*. *Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012*. Putrajaya.

Kamus Dewan (2013). Kamus Dewan Edisi Ketiga. Dewan Bahasa dan Pustaka. Dawama Sdn Bhd. Kuala Lumpur.

Kwok, C.H., & Haris, A.W. (2013). Tahap penglibatan masyarakat rumah panjang dalam program pembasmian kemiskinan di Sarawak. *Journal of Social Sceinces and Humanities*. Vol.8, No.1 (2013). 073-084. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi

Laily, P.& Sharifah Azizah, H. (2010). Konsep dan pendekatan mengukur kemiskinan. Dalam Laiyl Paim & Sharifah Azizah Haron (eds). *Kemiskinan di Malaysia : Isu fundamental dan paparan obilis*. Universiti Putra Malaysia. Serdang.

Mary, J.B. (2008). *Poverty Reduction Strategies for the US*. Harvard Kennedy School. Prepared for the Charles Stewart Mott Foundation "Defining Poverty Reduction Strategies" Project.

Mohamad, M. & Abiddin, N.Z. (2011). Hubungan budaya organisasi dan sub budaya terhadap komitmen pekerja. *Dinamika Sosial Ekonomi*. 7(1). 79-85.

Mohd Fauzi, M.H., Nor Aini, I., Madeline, B. & Faridah, S. (2006). Kemiskinan Di Kalangan Masyarakat Orang Asli. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 40 (2006). 95-101. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Muhammad Raduan, M.A., Muhammad, S. & Zarina Aziz. (2007). Masalah Nelayan Tradisional di Semenanjung Malaysia : Penyelesaian Tanpa Kesudahan. *Jati, Volume 12, December 2007*, 247-258. Universiti Malaya.

Muhammad, Y. (2008). Creating A World Without Poverty : Social Business and The Future of Capitalism. *Global Urban Development, Volume 4, Issue 2, November 2008*. www.publicaffairsbooks.com.

Dilayari pada 1 Julai 2015.

Nor Aini, I. & Doris, P.S. (2010). Program Pembasmian Kemiskinan Dalam Kalangan Ibu Tunggal : Analisis Penyertaan Dan Keberkesanan. *Prosiding Perkem VII. Jilid 1 (2012). 248-259.* Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Oluwatayo, I.B. (2008). Explaining Inequality and Welfare Status of Households in Rural Nigeria : Evidence from Ekiti State. *Humanity & Social Science Journal. Vol. 3, No. 1, pp 70-80.*

[http://www.idosi.org/hssj/hssj3\(1\)08/9](http://www.idosi.org/hssj/hssj3(1)08/9). Dilayari pada 1 Jun 2015.

Pejabat Pembangunan Negeri Johor (a). (2012). *Laporan Minit Mesyuarat Focus Group Negeri Johor Bil 2/2012.* Pejabat Pembangunan Negeri Johor. Nusajaya. Johor.

Pejabat Pembangunan Negeri Johor (b). (2012). *Garis Panduan Mekanisme Baru Pelaksanaan Permohonan Pendaftaran eKasih.* Surat Edaran bilangan UPP:PPN.J/177/173/3/4 Jld 6 (35) bertarikh 2 Mac 2012. Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Johor. Nusajaya. Johor.

Pejabat Pembangunan Negeri Johor (a). (2013). *Laporan Minit Mesyuarat Focus Group Negeri Johor Bil 1/2013.* Pejabat Pembangunan Negeri Johor. Nusajaya. Johor.

Pejabat Pembangunan Negeri Johor (b). (2013). *Laporan Minit Mesyuarat Focus Group Negeri Johor Bil 1/2013.* Pejabat Pembangunan Negeri Johor. Nusajaya. Johor.

Pejabat Pembangunan Negeri Johor. (2014). *Laporan Minit Mesyuarat Focus Group Negeri Johor Bil 2/2014.* Pejabat Pembangunan Negeri Johor. Nusajaya. Johor.

Randell, M. (2004). Constructing participation spaces. *Community development journal. 39 (2), 144-155.*

- Rasidah, A. & Suryati, A.Z. (2010). Tanggapan Sokongan Organisasi, Kepuasan Kerja, Komitmen Dan Kelakuan Kewargaan Organisasi Pekerja : Peranan Politik Organisasi Sebagai Perantara. *Jurnal Pengurusan 31 (2010) 83-92*. Universiti Kebangsaan. Bangi.
- Robbins, S.P.& Judge, T.A. (2011). *Organizational behavior : organizational change and stress management*. Fourteenth Edition. Pearson Education Limited. Essex CM20 : England.
- Rosli, M. (2007).*Iklim Komunikasi Dan Pencapaian Organisasi : Kajian Kes Antara Dua Buah Organisasi Awam Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.
- Saheb, B.Z. & Siti Nobaya, A. (2010).Participation and community development.*Current research journal of social sciences*. 2(1), 13-14.
- Samir, M.A., & Sara Shakilla, M.S. (2012). Pembasmian Kemiskinan di Malaysia : Keperluan Kemahiran Pekerja Komuniti. *Jurnal Akademia 82 (1) 2012 : 81-89*.Universiti Putra Malaysia,Serdang.
- Siti Hadijah, C.M., & Roslan, A. H. (2011).Jangka masa keluar daripada kepompong kemiskinan dan ketermiskinan.Kajian kes di Kedah Darul Aman Malaysia.*International Journal of Management Studies*, 18 (2), 217-236.
- Siti Masayu Rosliah, A.R. (2008). *Peluang dan cabaran pendidikan dalam kalangan masyarakat luar bandar : Satu kajian kes isi rumah melayu miskin di Jajahan Bachok, Kelantan*. Master Tesis.Universiti Sains Malaysia.Pulau Pinang
- Sloman, A. (2011). Using participatory theatre in international community development.*Community development journal*.47(1).42-57.

Tari, J.J. (2005). Component of successful total quality management. *The TQM Magazine*. 17(2). 182-194.

Teshome, M. (2008). Multi-sectoral Approach to Cope with African Youth Unemployment. WataINFO of Tuesday, December 9, 2008.
http://www.watainfo.com/index.php?option=com_content&task=view&id=5407&Itemid=82. Dilayari pada 1 Jun 2015.

Thai, Y.M. (2009). *Poverty lines, household economies of scale and urban poverty in Malaysia*. Unpublished Phd thesis, Lincoln University.

UNDP. (2003). World Youth Report. New York : United Nation Development Programme. Petikan dari kertas kerja Radieah Mohd Nor : *Perbandingan Tentang Konsep Kemiskinan Pendekatan Kovensional dan Islam*. Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV). Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.

UNDP. (2006). *Poverty In Focus*. International Poverty Center. United Nation Development Programme, December 2006. Brasilia, Brazil.

UNDP. *Poverty Reduction and Equity*.

<http://web.worldbank.org/Wbsite/External/Topics/Extpoverty/0,,menuPK:336998~PAGEpk:149019~piPK:149093~theSitePK:36992,00.html>.

Dilayari pada 1 Jun 2015.

UNDP. *Programme Millennium Development Goals*.

<http://www.undp.org/mdg/basics.shtml>. Dilayari pada 1 Jun 2015.

Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU). Jabatan Perdana Menteri. Putrajaya.

www.ekasih.gov.my. Dilayari pada 1 Jun 2015.

Widodo, Erna & Mukthar.(2000). Konstruksi Ke Arah Penelitian Deskriptif.*Petikan Kertas Projek Zulfikar, (2012).*Tesis Master. Universiti Utara Malaysia.Sintok.

Wikipedia. *List of countries by percentage of population living in poverty.*
http://en.wikipedia.org/wiki/List_of_countries_by_percentage_of_population_living_in_poverty. Dilayari pada 1 Jun 2015.

Yahya, K.K., Johari, J., Adnan, Z., Isa, M.F., & Daud, Z. (2008).Faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen dalam kalangan Penjawat Awam.*IJMS(15), 199-223.*

Zahir, Z. (2005). Pengukuhan nilai ke arah masyarakat hadhari dan komuniti sejahtera.
<http://zahirhomp.blogspot.com/2005/11/pengukuhan-nilai-ke-arrah-masyarakat.html>. Dilayari pada 1 Jun 2015.

Zalzali, S. (2004).Dasar, strategi dan pelaksanaan kemiskinan daripada perspektif Kementerian Kemajuan Luar Bandar (KKLW). Dalam Mohamad Khairudin Mohamad & Ahmad Syahir Sarani (eds), *Pembasmian kemiskinan bandar dan luar bandar*.Institut Pengembangan Minda (INMIND). Petaling Jaya.

Zauyiah, A.R., Muhamad Sazri, K., Haswira Nor, M.H. & Kamarul Arifin, M. (2005). *Analisis program pembasmian kemiskinan dari perspektif penduduk miskin tegar di kawasan Parlimen Merbok, Kedah*.Laporan akhir penyelidikan Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkormesilan.Institut Teknologi Mara. Shah Alam.Selangor.

Zulfikar, (2012).*Pengurusan zakat dalam rangka pembasmian kemiskinan di Kota Setar, Kedah Darul Aman*.Tesis Master.Universiti Utara Malaysia.Sintok.

Zurina, S., Norhasni, Z.A., Abdul Razaq, A. (2009). Ethnic Hegenogeneity in the Malaysian Economy : A special reference in the ethnic group participation in financial planning activities. *The Journal of International Social Research Vol. 2/28 Summer*.



UUM
Universiti Utara Malaysia